ATEISME
SATU PENELITIAN AWAL

MUHAMMAD RASHIDI WAHAB

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
2018

KANDUNGAN

Kata Alu-aluan Ketua Pengarah JAKIM	
Prakata	
Pendahuluan	1
Sejarah Ketuhanan dalam Tamadun Manusia	4
Kemunculan dan Dasar Pemikiran Ateisme	9
Perkembangan Ateisme di Malaysia	19
Kecelaruan Pemikiran Golongan Ateis	31
Islam Membuktikan Kewujudan Allah SWT	36
Dialog Abu Hanifah dengan Ateis	48
Kewujudan Tuhan Menurut Sarjana Barat	53
Kesimpulan	63
Rujukan	66

KATA ALU-ALUAN
KETUA PENGARAH JAKIM

Alhamdulillah, marilah kita panjatkan rasa syukur kepada Allah SWT atas kurniaan nikmat yang tidak terhingga ke atas kita semua. Selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda, para sahabat dan yang mengikut jejak langkah baginda sehingga hari penghabisan.

Kehidupan di dunia mengikut faham Islam adalah merupakan ladang untuk bekalan kehidupan akhirat. Bagi seseorang yang meyakini akan bertemu Allah SWT tidak akan melakukan perkara yang mazmumah, dan bagi seseorang yang meyakini akan adanya Hari Akhirat sudah tentulah berusaha bersungguh-sungguh melaksanakan tuntutan sebagai seorang Muslim yang beriman.

Sheikh Dr. Yusuf Al-Qaradhawi dalam *Fiqh Al-Awlawiyyat* mengkritik fahaman ateisme yang tidak mempercayai konsep ketuhanan, kenabian dan pembalasan hari kiamat. Mereka sama dengan golongan yang digambarkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya surah al-An'am, ayat 29 bermaksud:

> *"Dan tentulah mereka akan berkata pula: Tiadalah hidup yang lain selain dari hidup kita di dunia ini, dan tiadalah kita akan dibangkitkan semula sesudah kita mati".*

Ateisme adalah merujuk kepada ketidakpercayaan atau kurang kepercayaan tentang kewujudan Tuhan. Ideologi ini bercanggah dengan prinsip Rukun Negara iaitu Kepercayaan

Kepada Tuhan dan perlu disekat daripada menyerang akidah umat Islam. Di sini saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada penulis, Ustaz Muhammad Rashidi Wahab, Pensyarah dari Universiti Sultan Zainal Abidin, kerana berjaya mengupas dengan jelas berhubung isu ateis ini.

Buku “Ateisme: Satu Penelitian Awal” ini juga diharapkan dapat membantu pelbagai pihak memahami konsep ateis dan sebagai panduan dalam persediaan umat Islam dalam mendepani isu akidah di masa akan datang serta memastikan risalah Islam melebar secara menyeluruh kepada umat Islam di negara ini.

Sekian, terima kasih.

DATUK HAJI MOHAMAD NORDIN BIN IBRAHIM
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

PRAKATA

Alhamdulillah. Pertama sekali saya ingin panjangkan kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah SWT kerana dengan kurnia dan izin-Nya, buku “Ateisme: Satu Penelitian Awal” dapat disiapkan. Tanpa pertolongan daripada Allah SWT, sudah tentu saya tidak dapat menyempurnakan buku ini dengan jayanya.

Saya merasa terpanggil untuk menghasilkan buku ini kerana umat Islam di Malaysia pada masa kini sedang berhadapan dengan pelbagai bentuk ancaman pemikiran atau ideologi, antaranya ancaman ateisme. Melihat situasi yang melanda umat Islam tersebut, buku ini walaupun kelihatan ringkas dan nipis, namun ia dianggap penting sebagai rujukan atau panduan awal kepada umat Islam di Malaysia dalam menghadapi golongan ateis, memandangkan penulisan ilmiah mengenai ateisme dalam bahasa Malaysia sangat kurang. Sehubungan itu, saya hanya menyentuh aspek utama berkaitan ateisme sahaja agar sesuai dengan bentuk buku ini yang bersifat ringkas dan padat. Saya juga sedaya-upaya cuba menggunakan laras bahasa yang mudah walaupun pada beberapa tempat ia kelihatan sukar kerana melibatkan penggunaan istilah dan perbahasan yang bersifat falsafah dan teoritikal.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan buku ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung, khususnya kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM atas kepercayaan

yang diberikan kepada saya untuk menulis buku ini. Tidak dilupakan juga kepada Panel Pakar Akidah JAKIM yang sudi menyemak dan seterusnya memperaku kandungan buku ini. Begitu juga kepada seluruh ahli keluarga saya dan para sahabat handai yang memberikan sokongan dan dorongan kepada saya sehingga buku ini berjaya disiapkan dengan sempurna. Allah SWT sahajalah yang dapat membalas semua kebaikan ini.

Akhir kata, saya mengalu-alukan sebarang cadangan daripada para pembaca dalam memperbaiki mutu penulisan dan penyampaian dalam buku ini. Adalah menjadi harapan saya agar usaha ini dinilai sebagai amalan kebajikan saya kepada agama Islam oleh Allah SWT. Amin.

MUHAMMAD RASHIDI BIN WAHAB
Pusat Pengajian Usuluddin
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
Emel: muhdrashidi85@gmail.com

PENDAHULUAN

Ancaman ideologi moden bukan sahaja masalah yang dihadapi oleh Islam, sebaliknya ia adalah isu global yang sedang dihadapi oleh semua agama di dunia bagi mempertahankan tradisi masing-masing. Setiap agama kelihatan berusaha keras untuk menghadapi tekanan dan serangan pemikiran tersebut. Mereka perlu memberikan jawapan yang munasabah terhadap idea-idea yang dikemukakan, atau terpaksa mengikut telunjuk dan arus ideologi moden. Keadaan ini sangat membimbangkan terutamanya bagi umat Islam yang tidak memiliki asas keilmuan akidah yang kukuh. Mereka akan mudah terpengaruh dengan pelbagai ideologi yang menawarkan idea-idea 'menarik' berteraskan logik akal sehingga boleh meruntuhkan kepercayaan agama seseorang Muslim.

Justeru, pendedahan mengenai perjumpaan tahunan kumpulan ateis di Kuala Lumpur oleh portal Menara.my pada 4 Ogos 2017 yang lalu, telah menimbulkan kegelisahan dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Rata-rata umat Islam berharap agar penularan fahaman ateis ini dapat ditangani segera oleh pihak kerajaan dan juga pihak berkuasa agama. Menurut portal tersebut, perjumpaan itu dianjurkan oleh *Atheist Republic*, dengan diuruskan oleh *The Atheist Republic Consulate of Kuala Lumpur* (Kedutaan Republik Ateis di Kuala Lumpur) yang merupakan cawangan Atheist Republic di Malaysia. Keanggotaan pertubuhan ini tidak terbatas kepada mana-mana bangsa, dan syaratnya cuma satu, iaitu ahlinya perlu yakin bahawa Tuhan tidak wujud.[1]

---

[1] Menara.my. 4 Ogos 2017. *Selepas Iftar Gay, Himpunan Ateis Pula di Kuala Lumpur.* Dlm. https://www.menara.my/selepas-iftar-gay-himpunan-ateis-pula-di-kuala-lumpur/

Penelitian terhadap laman Facebook *Atheist Republic* menunjukkan bahawa mereka telah memuat naik status berkenaan perjumpaan itu pada 3 Ogos 2017 yang berbunyi: *"The Atheist Republic Consulate of Kuala Lumpur, Malaysia held its annual gathering and it was such a blast! Atheists from all walks of life came to meet one another, some for the very first time...each sharing their stories and forming new friendships that hopefully will last a lifetime! We rock!."* Berdasarkan sekeping gambar yang turut dimuat naik, dianggarkan seramai lebih 40 orang menyertai perjumpaan tersebut.[2] Ini bermaksud, kumpulan ateis di Malaysia benar-benar wujud dan mereka kelihatan bebas bergerak, namun ia kurang disedari oleh umat Islam di Malaysia.

Dalam hal ini, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (pada ketika itu), (Dato' Dr) Asyraf Wajdi Dusuki berkata, kerajaan melalui Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) akan menyiasat penglibatan umat Islam dalam perhimpunan ateis tersebut sebagaimana yang tular di media sosial.[3] Menurut Ketua Polis Negara (pada ketika itu) pula, polis memberi amaran kepada kumpulan ateis agar tidak menimbulkan kegelisahan rakyat Malaysia terutama umat Islam mengenai aktiviti mereka. (Tan Sri) Khalid Abu Bakar berkata, Perlembagaan hanya mengiktiraf agama Islam sebagai

---

[2] Atheist Republic. 3 Ogos 2017. Dlm. https://www.facebook.com/AtheistRepublic posts/1500361950050659

[3] BH Online. 6 Ogos 2017. *Siasat gerakan ateis dalam kalangan orang Islam*. Dlm. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/08/309408/siasat-gerakan-ateis-dalam-kalangan-orang-islam; Sinar Online. 6 Ogos 2017. *Siasat penglibatan umat Islam dalam ateis*. Dlm. http://www.sinarharian.com.my/nasional/siasat-penglibatan-umat-islam-dalam-ateis-1.714413

agama bagi Persekutuan, dan bukannya ateisme.[4] Kenyataan ini mendapat sokongan padu daripada seluruh rakyat Malaysia pelbagai peringkat.

Walau bagaimanapun, terdapat juga segelintir umat Islam yang telah memandang sinis pendedahan dan tindakan ini dengan menyatakan bahawa kerajaan sengaja mengalih perhatian rakyat terhadap isu besar yang berlaku dalam negara dengan isu ateis.[5] Ulasan sebegini sangat mendukacitakan dan ia sama sekali tidak melambangkan keperihatinan mereka terhadap sensitiviti umat Islam di Malaysia yang inginkan agama Islam dipelihara pada setiap masa. Sepatutnya sebarang anasir asing yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah (ASWJ) mesti dipantau dan dikenakan tindakan yang tegas. Perkara berkaitan kepentingan dan kesucian agama Islam tidak seharusnya dijadikan bahan politik.

Sehubungan itu, sebuah penulisan atau kajian mengenai fahaman ateisme perlu diketengahkan bagi membongkar kepincangan pemikiran ini daripada terus memperdaya umat Islam di Malaysia. Maka buku yang ringkas ini hadir bagi membincangkan beberapa topik berkaitan ateisme merangkumi; sejarah ketuhanan dalam tamadun manusia, kemunculan dan dasar pemikiran ateisme, perkembangan ateisme di Malaysia, kecelaruan pemikiran golongan ateis, Islam membuktikan

---

[4] Kosmo!. 18 Ogos 2017. *Cabaran menangani kumpulan Melayu ateis*. Dlm. https://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0819&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va_02.htm; Free Malaysia Today. 16 Ogos 2017. *Khalid beri amaran kepada golongan ateis*. Dlm. http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/08/16/khalid-beri-amaran-kepada-golongan-ateis/. Lihat juga Free Malaysia Today. 17 Ogos 2017. *Ateis Islam disoal polis, jabatan agama, lapor akhbar Australia*. Dlm. http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/08/17/ateis-islam-disoal-polis-jabatan-agama-lapor-akhbar-australia/

[5] The Malaysian Insight. 13 Ogos 2017. *Tindakan keras terhadap golongan ateis untuk alih perhatian, kata laporan*. Dlm. https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/10692/

kewujudan Allah SWT, dialog Abu Hanifah dengan ateis dan kewujudan Tuhan menurut sarjana Barat. Topik-topik yang dikemukakan ini dianggap sudah memadai sebagai satu lontaran awal dalam membahaskan isu ateisme di Malaysia pada masa kini.

SEJARAH KETUHANAN DALAM TAMADUN MANUSIA

Naluri fitrah semulajadi setiap manusia yang berakal adalah mempercayai kewujudan Tuhan.[6] Tuhan bermaksud sesuatu yang dipuja atau disembah oleh golongan manusia yang beragama.[7] Dalam sejarah manusia, Nabi Adam AS diakui oleh setiap agama Samawi sebagai manusia pertama diciptakan oleh Allah SWT[8] dan diturunkan ke Bumi sekitar tahun 7000 hingga 8000 tahun yang lalu dengan mempelopori tamadun terawal dunia.[9] Menurut ajaran Islam, Nabi Adam AS merupakan seorang rasul yang diutuskan sebagai khalifah ke muka bumi. Sebagai seorang rasul, sudah tentulah baginda mengimani kewujudan Tuhan, iaitu Allah SWT. Perkara ini dirakamkan dalam al-Quran sebagaimana berikut:

وَإِذۡ قَالَ رَبُّكَ لِلۡمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّي جَاعِلٞ فِي ٱلۡأَرۡضِ خَلِيفَةٗۖ قَالُوٓاْ

---

[6] Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama (Allah); (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."* Surah al-Rum (30): ayat 30.

[7] Dewan Bahasa dan Pustaka. 2010. *Kamus Dewan*. Hajah Noresah Baharom (ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 1722.

[8] Penulis tidak berhasrat untuk membincangkan mengenai teori Adam sebelum Adam.

[9] al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2015. *On Justice and the Nature of Man: A Commentary on Surah al-Nisa' (4): 58 and Surah al-Mu'minun (23): 12-14*. Kuala Lumpur: IBFIM. Hlm. 47-57. Lihat juga BH Online. 24 Disember 2015. *Umur manusia 7,000-8,000 tahun*. Dlm. https://www.bharian.com.my/node/107926

أَتَجۡعَلُ فِيهَا مَن يُفۡسِدُ فِيهَا وَيَسۡفِكُ ٱلدِّمَآءَ وَنَحۡنُ نُسَبِّحُ بِحَمۡدِكَ

وَنُقَدِّسُ لَكَۖ قَالَ إِنِّيٓ أَعۡلَمُ مَا لَا تَعۡلَمُونَ ٣٠

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi." Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".*[10]

Selepas Nabi Adam AS serta isterinya Hawa diturunkan ke bumi,[11] mereka dikurniakan anak iaitu Habil (lelaki) dan saudara kembarnya (perempuan) serta Qabil (lelaki) dan saudara kembarnya (perempuan), kemudian seorang lagi iaitu Hibbatullah.[12] Daripada anak cucu Nabi Adam AS inilah, maka bertebaranlah manusia di seluruh dunia sehingga hari ini yang berkembang dalam pelbagai bentuk. Maka risalah tauhid kepada Allah SWT selaku Tuhan Maha Esa yang dibawa oleh Nabi Adam AS diteruskan pula oleh para rasul yang lain selepas baginda seperti Nabi Idris AS sehingga sampai kepada rasul terakhir iaitu Nabi Muhammad SAW.

---

[10] Surah al-Baqarah (2): ayat 30.

[11] Rujuk al-Quran tentang peristiwa Nabi Adam AS dan Hawa yang telah diperdaya oleh iblis supaya memakan buah daripada sepohon pokok yang dilarang oleh Allah SWT. Lihat surah al-Baqarah (2): ayat 35-38 dan surah Taha (20): ayat 120-123.

[12] Allah SWT merakamkan beberapa kisah mengenai anak-anak Nabi Adam AS dalam al-Quran antaranya mengenai pembunuhan pertama yang dilakukan oleh Qabil terhadap Habil. Lihat surah al-Ma'idah (5): ayat 27-31.

Namun, perjalanan sejarah yang panjang itu menyebabkan sebahagian manusia semakin hilang pegangan, termasuklah dalam persoalan agama dan ketidakpercayaan kepada kewujudan Tuhan. Dalam hal ini, (Imam) ‘Abd al-Halim Mahmud, mantan Shaykh al-Azhar, menyatakan bahawa tamadun manusia, khususnya tamadun Greek, dari aspek pegangan ketuhanan terbahagi kepada tiga golongan, iaitu:

1. Golongan syirik. Syirik telah menjadi adat kebiasaan yang diamalkan dalam negara mereka. Gejala ini boleh dilihat melalui patung berhala dan dokumen seni kesusasteraan yang ditinggalkan sebagai bahan bukti sejarah tamadun purba. Golongan ini menggambarkan Tuhan dalam pelbagai rupa bentuk yang tidak selayaknya untuk disembah.

2. Golongan bertuhan. Golongan ini percaya kepada kewujudan Tuhan sebagai pencipta alam. Walau bagaimanapun, kepercayaan mereka bukanlah sebagaimana tauhid yang dibawa oleh para rasul, tetapi tidak juga seperti golongan syirik. Mereka diwakili oleh Socrates, Plato, Aristotle dan lain-lain.

3. Golongan ateis. Fahaman ini tidak percaya kepada kewujudan Tuhan secara mutlak, mengingkari metafizik, kebangkitan dan risalah. Mereka hanya berpegang dengan logik semata-mata sehingga membawa kepada ateisme. Golongan ini jelas kelihatan seperti yang terdapat pada Epicurus[13] dan para pengikutnya.[14]

---

[13] Namun, Diagoras of Melos dianggap sebagai tokoh pertama yang mengemukakan idea ateisme secara terang-terangan mengenai tiada kepercayaan terhadap Tuhan atau dewa.
[14] ‘Abd al-Halim Mahmud. T.th. *Al-Islam wa al-‘Aql*. Qahirah: Dar al-Ma’arif. Hlm. 88-90.

Socrates contohnya, pernah dituduh oleh Meletus sebagai ateis kerana menolak para dewa negara dan memperkenalkan Tuhannya sendiri. Beliau mempertahankan pendiriannya mengenai kewujudan Tuhan dan melarang pemimpin pada zamannya melakukan syirik dan menyembah berhala, tetapi mereka menentangnya dan membuat keputusan untuk membunuh Socrates . Beliau juga berpendapat bahawa Tuhan sentiasa ada dalam keadaan Dia sahaja. Apabila manusia cuba mencari sifat-Nya dan membicarakan tentang-Nya, maka manusia akan dapati bahasa dan akal terbatas untuk menyifatkan-Nya dan menjelaskan hakikat-Nya.[15] Bahkan ketika Socrates diminta menerima kepercayaan dewa pada ketika itu, beliau menyatakan bahawa: *"Wahai orang Athens, saya menghormati dan mencintai kamu, tetapi saya akan mentaati Tuhan lebih daripada kamu."*[16]

Daripada ketiga-tiga golongan tersebut, ateis adalah golongan paling minoriti berbanding dua kumpulan lagi, walaupun golongan pertama adalah syirik kepada Tuhan. Hal ini membuktikan bahawa fahaman tidak percaya kepada kewujudan Tuhan adalah tidak diterima oleh majoriti manusia yang berakal. Selain itu, konsep ketuhanan juga merupakan doktrin terbesar dalam sesebuah agama, kerana Tuhan ialah sumber utama kepada setiap agama. Contohnya dalam agama Kristian (Nasrani), sebagaimana agama Yahudi juga, kepercayaan kepada Allah SWT sebagai Tuhan adalah tunjang terpenting dalam agama Samawi tersebut, walaupun berlaku beberapa penyelewengan tentang konsep ketuhanan.

---

[15] al-Sharastani, Abi al-Fath Muhammad 'Abd al-Karim bin Abi Bakar. 1993. *Al-Milal wa Nihal*. Tahqiq: Amir 'Ali Mahna & 'Ali Hasan Fa'ur. Bayrut: Dar al-Ma'rifah. Jld. 2. Hlm. 401-402.

[16] Bertrand Russell. 1995. *History of Western Philosophy*. London: Routledge. Hlm. 107.

Allah SWT telah mengutuskan Nabi Isa AS (dikenali sebagai Jesus Christ oleh penganut Kristian) bertujuan untuk mengembalikan fitrah manusia beriman kepada-Nya,[17] namun ia telah dikhianati dan difitnah oleh kaum Bani Israil atau Yahudi.[18] Hasilnya, Nabi Isa AS dijatuhkan hukuman bunuh (disalib) oleh pemerintah Rom,[19] manakala ajarannya disebarkan oleh pengikutnya yang setia dikenali sebagai Hawariyyun.[20] Selepas itu, agama Nasrani dikembangkan pula oleh para pengikut mereka sebelum ia berjaya diselewengkan oleh Yahudi dan Kristian sendiri sehingga menimbulkan pelbagai kecelaruan dalam ajaran Kristian.[21] Ajaran ini terus diajar dan diwarisi oleh para pengikut Kristian, antaranya konsep Triniti, sehingga sampai ke generasi hari ini.

Begitu juga, perutusan Nabi Muhammad SAW sebagai rasul terakhir yang membawa ajaran agama Islam kepada seluruh makhluk, khususnya manusia, adalah bagi meneruskan misi mentauhidkan Allah SWT. Ia bermaksud kepercayaan kepada kewujudan Tuhan adalah perkara yang diterima secara fitrah

---

[17] Antara wasiat Nabi Isa AS, sebagaimana yang tercatat dalam Injil Mark 12: 28-32, ialah: *"Dengarlah wahai Israel (kaum Bank Israil), Tuhan yang menjadi Tuhan kita ialah Tuhan yang esa. Cintailah Tuhanmu dengan seluruh jantung hatimu; dengan seluruh jiwa ragamu; dengan seluruh fikiranmu dan dengan seluruh kesanggupanmu."*

[18] Kaum Bani Israil sememangnya terkenal dengan kaum yang jahat walaupun mereka telah diutuskan rasul yang ramai dalam kalangan Bani Israil sendiri. Selain kisah Nabi Isa AS ini, mereka juga mengingkari, memerangi dan membunuh para rasul lain yang diutuskan oleh Allah SWT kepada mereka. Lihat surah al-Ma'idah (5): ayat 70.

[19] Al-Quran telah menjelaskan bahawa sebenarnya bukan Nabi Isa AS yang disalib, sebaliknya Allah SWT telah menukarkannya dengan orang lain. Nabi Isa AS diangkat oleh Allah SWT dan akan diturunkan semula sebelum hari Kiamat. Lihat surah al-Nisa' (4): ayat 157.

[20] Kisah Hawariyyun ini turut dilaporkan dalam beberapa ayat al-Quran antaranya dalam surah ali-'Imran (3): Ayat 52 dan surah al-Saf (61): ayat 14.

[21] Antara penyelewengan terbesar Yahudi terhadap agama Nasrani ialah mengubah kandungan kitab Injil atau Bible sehingga hari ini Bible mempunyai empat versi iaitu Matius, Markus, Lukas dan Yohanes. Namun para sejarawan menyatakan bahawa Bible versi Barnabas adalah lebih sahih, tetapi ia tidak diiktiraf oleh gereja Vatikan.

semulajadi dan menjadi perkara yang *daruri*[22] memandangkan hampir seluruh manusia di dunia adalah beragama. Fenomena ini disimpulkan oleh ahli sejarah bahawa tidak pernah terdapat sebuah bandar pun tanpa adanya rumah ibadat.[23] Dalam ertikata lain, semua agama menyeru kepada Tuhan, walaupun setiap agama itu berbeza tentang konsep ketuhanan masing-masing.[24]

Maka golongan ateis yang tidak percaya kepada kewujudan Tuhan adalah tidak mewakili gagasan pemikiran terbesar manusia sejagat yang mempercayai kewujudan Tuhan. Malah penentangan serta penolakan golongan ateis terhadap Tuhan menunjukkan bahawa mereka sebenarnya percaya kepada Tuhan dan merasa sangat tergugat dengan kepercayaan ateisme yang mereka anuti. Tetapi mereka sengaja mencari-cari alasan untuk hidup bebas dan tidak terikat dengan kepercayaan agama kerana mungkin didorong oleh faktor atau sebab tertentu seperti kejahilan dan kesombongan. Mereka cuba meyakini hujah-hujah ketiadaan Tuhan walaupun sukar diterima oleh akal mereka sendiri.

KEMUNCULAN DAN DASAR PEMIKIRAN ATEISME

Istilah ateis (*atheis*) berasal dari perkataan Yunani iaitu *atheos* yang bermaksud tiada Tuhan. Awalnya, istilah ateis ini sering digunakan dalam perdebatan antara penganut Kristian dengan

---

[22] *Daruri* ialah perkara yang diterima umum dan tidak memerlukan fikiran, usaha dan *tabi'i* yang keras. Lihat Dewan Bahasa dan Pustaka. 1991. *Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 180.

[23] al-Qardawi, Yusuf. 1977. *Al-Khaqais al-'Ammah li al-Islam*. Qahirah: Maktabah Wahbah. Hlm. 14.

[24] Lihat perbincangan tentang sejarah ketuhanan sepanjang zaman dalam buku ini: al-'Aqqad, 'Abbas Mahmud. 1949. *Allah: Kitab fi Nasha'ah al-'Aqidah al-Ilahiyyah*. Bayrut: Maktabah al-'Asriyyah.

pengikut Yunani sehingga masing-masing saling menuduh pihak lawan mereka sebagai ateis.[25] Menurut *The Encyclopedia of Religion*, ateisme adalah sebuah doktrin bahawa Tuhan tidak wujud dan kepercayaan terhadap kewujudan Tuhan adalah kepercayaan yang palsu.[26] Menurut *The New Encyclopaedia Britannica* pula, ateisme merupakan sebuah kritikan dan penafian terhadap kepercayaan metafizik tentang Tuhan atau makhluk kerohanian. Namun ateisme harus dibezakan dari agnostisme,[27] walaupun keduanya membahaskan persoalan mengenai Tuhan wujud atau tidak, namun bagi ateis ketidakwujudan Tuhan adalah suatu kepastian.[28]

Manakala ateis atau ateisme dalam bahasa Arab dikenali sebagai *mulhid* atau *ilhad* bermaksud menyimpang daripada pandangan yang benar.[29] Selain istilah *ilhad*, beberapa perkataan lain turut digunakan dengan maksud ateisme seperti *dahriyyah, zanadiqah, tabi'iyyah, la diniyyah* dan sebagainya lagi. Menurut sarjana Islam, ateisme bukan sahaja menolak kewujudan Tuhan serta agama, malah ateis juga bermaksud mereka yang mengingkari serta mendustakan kewujudan Allah SWT[30] atau disebut sebagai kufur, murtad atau tidak beragama. Secara umumnya, ateis boleh difahami sebagai orang yang tidak mengakui atau mempercayai kewujudan Tuhan, manakala

---

[25] A. B. Drachmann. 1922. *Atheism in Pagan Antiquity*. London: Gyldendal. Hlm. 6.

[26] Macmillian Publishing Company. 1987. *The Encyclopedia of Religion*. Mircea Eliade (ed.). New York: Macmillian Publishing Company. Jld. 1. Hlm 479-480.

[27] Agnostisme ialah fahaman yang meragui ada atau tiada Tuhan adalah tidak diketahui atau tidak pasti. Lihat juga Majlis Agama Islam Selangor. 2015. *Gejala Agnostik: Satu Ancaman Akidah*. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor.

[28] Encyclopaedia Britannica, Inc. 2005. *The New Encyclopaedia Britannica*. Jacob E. Safra & Jorge Aguilar-Cauz (ed.). Chicago: Encyclopaedia Britannica, Inc. Jld. 1. Hlm. 666.

[29] Ibn Faris, Abi al-Husin Ahmad bin Faris bin Zakariyya. 1979. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Bayrut: Dar al-Fikr. Jld. 5. Hlm. 236.

[30] al-Hafani, 'Abd al-Mun'im. 1999. *Mausu'ah al-Falsafah wa al-Falasifah*. Qahirah: Maktabah al-Madbuli. Jld. 1. Hlm.183.

ateisme (*atheism*) bermaksud fahaman atau kepercayaan yang tidak mengakui kewujudan Tuhan,[31] iaitu lawan kepada *theism* yang bermaksud fahaman mengakui kewujudan Tuhan.

Sejarah pemikiran moden di Barat,[32] khususnya sekularisme, dikatakan bermula pada zaman humanisme Renaisans sekitar abad ke-14 hingga ke-16 Masihi, iaitu ketika mana Barat sedang menumpukan perhatian kepada ilmu kemajuan kebendaan semata-mata dengan meminggirkan pembangunan kemanusiaan dan kerohanian.[33] Zaman Renaisans ini merujuk kepada zaman perkembangan tamadun Barat daripada zaman kegelapan[34] atau kemunduran kepada zaman pencerahan atau kebangkitan menuju kemajuan.[35] Kemunculan sekularisme di Barat adalah disebabkan oleh penyelewengan dan cengkaman institusi gereja secara keterlaluan kepada penganut agama Kristian. Gereja pada asalnya merupakan sebuah institusi keagamaan Kristian yang dihormati dan disanjungi masyarakat Barat sebelum zaman Renaisans. Mereka menjadikan gereja sebagai tempat rujukan

---

[31] Dewan Bahasa dan Pustaka. 2010. *op.cit*. Hlm. 64.

[32] Barat dikatakan melalui tiga zaman iaitu Zaman Klasik, Zaman Pertengahan (Gelap) dan Zaman Moden. Leornardo Bruni (m. 1444M) dianggap sejarawan moden terawal membahagikan tiga zaman di Barat. Lihat Gary Ianziti. 2012. *Writing History in Renaissance Italy: Leonardo Bruni and the Uses of the Past*. London: Harvard University Press. Hlm. 310.

[33] al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2014. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: IBFIM. Hlm. 36.

[34] Istilah Zaman Gelap dicipta oleh Francesco Petrarca (m. 1374M) sebagai kritikan terhadap kemerosotan ilmu dan kebudayaan di Barat pada zaman tersebut. Lihat J. H. Whitfield. 1966. *Petrarch and the Renascence*. New York: Publishers of Scholarly Books. Hlm. 63; Theodore E. Mommsen. 1942. *Petrarch's Conception of the 'Dark Ages'*. Speculum. Chicago USA: The University of Chicago Press. Hlm. 226-242.

[35] William Bridgwater & Seymour Kurtz. 1959. *The Columbia Encyclopedia*. New York dan London: Columbia University. Hlm. 1786-1787. Rujuk juga perbincangan tentang revolusi perindustrian di Barat.

utama dalam segala keadaan sehingga gereja mudah menguasai dan mengongkong seluruh kehidupan masyarakat Kristian di Barat.[36]

Keadaan tersebut berubah setelah gereja didapati menyeleweng dan menyalahgunakan kuasa dengan menggunakan nama Tuhan sehingga menjatuhkan maruah gereja di mata penganut Kristian. Antara penyelewengan gereja ialah memaksa masyarakat Barat tunduk dan menjadi orang suruhan gereja, Pope berkuasa mutlak dalam menafsirkan Bible dan paderi berhak mengampunkan dosa sesiapa sahaja dan sebagainya lagi.[37] Oleh itu, masyarakat Barat terpaksa memikirkan kaedah terbaik untuk melepaskan diri daripada penindasan dan cengkaman gereja, iaitu dengan memisahkan diri dan kehidupan daripada nilai-nilai keagamaan Kristian dengan memberikan tumpuan kepada kemajuan, kemewahan, kebendaan, kemegahan dan kewangan semata-mata (materialistik).[38] Zaman ini dikenali sebagai Zaman Moden di Barat.[39]

Setelah Barat berjaya membangunkan tamadun mereka dengan memisahkan kehidupan duniawi daripada keagamaan, Islam pula mengalami zaman kemunduran disebabkan oleh kehilangan roh Islam pada diri penganutnya dan kelemahan umat Islam dalam menguasai ilmu pengetahuan. Semenjak

---

[36] Carlton J.H. Hayes. 1953. *Modern Europe to 1870*. USA: MacMillan. Hlm. 149.
[37] al-Salabi, Ahmad. 1977. *Muqaranah al-Adyan al-Masihiyyah*. Qahirah: Maktabah al-Nahdah. Hlm. 136.
[38] Carlton J.H. Hayes. 1953. *op.cit*. Hlm. 155.
[39] Leornardo Bruni mendakwa bahawa kota Florence, di mana beliau menjadi canselor, merupakan tempat lahirnya Renaisans dan Zaman Moden di Barat. Lihat Gary Ianziti. 2012. *op.cit*. Hlm. 95. Namun sebahagian pengkaji melihat permulaan Zaman Moden berlaku dengan gerakan reformasi dalam agama Kristian yang dipelopori oleh Martin Luther (m. 1546M) sehingga tertubuhnya mazhab Protestan.

itu, Barat berusaha menguasai peradaban dunia dengan menyebarkan pelbagai ideologi dan pemikiran yang dicipta oleh mereka kepada seluruh manusia, kononnya pemikiran Barat mampu memberikan kemajuan kepada ketamadunan dunia. Dalam hal ini, serangan pemikiran Barat terhadap dunia Islam mempunyai tiga peringkat iaitu; peringkat Perang Salib, peringkat penjajahan dan peringkat gerakan Kristianisasi atau pemurtadan.[40] Sekarang dunia Islam berada pada peringkat gerakan Kristianisasi yang mempunyai hubungan erat dengan peringkat penjajahan, kerana salah satu matlamat penjajahan Barat ialah menyebarkan agama Kristian serta ideologi pemikiran Barat atas nama agama dan kebenaran kepada penduduk negara-negara jajahan mereka.[41]

Melalui misi menyebarkan ideologi pemikiran tersebut, Barat telah mengatur strategi bagi menyebarkan pelbagai ideologi moden seperti sekularisme, liberalisme,[42] pluralisme agama, dan begitu juga ateisme. Barat memusatkan kempen ini secara besar-besaran, dengan bantuan orientalis, terhadap seluruh dunia bertujuan untuk menyerang setiap agama, terutamanya Islam, bagi menghancurkan pegangan akidah ketuhanan mereka dengan mengenengahkan aliran ateisme. Pelopor ateisme zaman kini mendakwa bahawa beragama Islam adalah penyebab kepada kemunduran di dunia Islam, kerana agama Islam telah mengikat kebebasan akal daripada

---

[40] Hasan Muhammad Hasan. 1948. *Wasa'il Muqawamah al-Ghazw al-Fikri li al-'Alam al-Islami*. Riyad: Al-Rabitah al-'Alam al-Islami. Hlm. 20.
[41] *Ibid*. Hlm. 44-49.
[42] Ideologi liberalisme merupakan antara ancaman terbesar kepada agama dan negara pada masa kini. Lihat Muhammad Rashidi Wahab. 2017. *Pemikiran Liberalisme dalam Wacana Agama dan Ancamannya di Malaysia*. Kertas Kerja Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah Ke-9. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat.
[43] al-Bahi, Muhammad. 1964. *Al-Islam fi Ma'rakah al-Taghrib*. Qahirah: Al-Majlis al-A'la li Shu'un al-Islamiyyah. Hlm. 33-35; al-Qardawi, Yusuf. 1979. *Wujud Allah*. Qahirah: Maktabah Wahbah. Hlm. 4.

berfikir untuk mencapai kemajuan.[43] Agenda mereka menjadi lebih mudah di zaman globalisasi kini sehingga fahaman ateis terus berkembang pesat ke seluruh dunia termasuklah di negara-negara Islam.

Kesan daripada kebangkitan di Barat pada zaman Renaisans, maka lahirlah beberapa kenyataan yang disifatkan sebagai menolak agama dan Tuhan. Antara tokoh terawal yang didapati mengemukakan idea ateisme ialah Baron D'Holbach (m. 1789M) yang menulis buku *The System of Nature*[44] dan Percy Bysshe Shelley (m. 1822M) yang menulis buku *The Neccesity of Atheism*,[45] namun orang pertama yang mengaku sebagai ateis ialah Denis Diderot (m. 1784M).[46] Dalam buku *The System of Nature*, D'Holbach bukan hanya menyatakan bahawa alam ini bekerja dengan mekanismenya sendiri dan tidak melibatkan pengaruh Tuhan, bahkan beliau menolak kewujudan Tuhan dan mengkritik agama dengan keras. Beliau menuduh agama adalah suatu bentuk penindasan serta kezaliman yang melemahkan munculnya kebenaran.[47] Dengan kata lain, ateisme di zaman moden ini, menurut D'Holbach, adalah lanjutan daripada deisme yang merupakan satu langkah yang lebih jauh.[48]

Manakala dalam buku *Good Sense*, D'Holbach mendakwa bahawa semua kanak-kanak yang dilahirkan adalah ateis

---

[44] Baron D'Holbach. 2001. *The System of Nature*. Kitchener, Canada: Batoche Books. Jld. 2. Hlm. 124.
[45] Percy Bysshe Shelley. 1993. *The Neccesity of Atheism*. USA: Prometheus Books.
[46] Gavin Hyman. 2006. Atheism in The Modern Hostory. Dlm. *The Cambridge Companion to Atheism*. Michael Martin (ed.). UK: Cambridge University Press. Hlm. 30.
[47] Baron D'Holbach. 2001. *op.cit*. Jld. 1. Hlm. 9.
[48] *Ibid*. Jld. 2. Hlm. 66.
[49] Baron D'Holbach. 1836. *Good Sense*. New York: G. W. & A. J. Matsell. No: 30. Hlm. 25.

kerana mereka tidak tahu akan Tuhan.[49] Selain itu, Ludwig Andreas Feuerbach (m. 1872M) pula menyatakan bahawa pemikiran mutlak tentang Tuhan tidak penting kerana ia sekadar khayalan akal yang berpisah daripada Tuhan. Hal ini bermaksud kepercayaan terhadap sesuatu perkara hanya boleh dirasai dan ditentukan oleh kebendaan sahaja, bukan sesuatu yang ditetapkan oleh akal sepertimana kepercayaan Kristian tentang Tuhan. Fauerbach turut mendakwa bahawa kewujudan manusia adalah sebagai Tuhan tetapi bukan Tuhan, maka agama yang baru ialah politik dan bukan agama Kristian. Menurut Fauerbach lagi, Tuhan dan agama tidak menjadi asas kepada kerajaan kerana asas kerajaan ialah kehendak dan keperluan manusia dan masyarakat.[50]

Begitu juga Karl Marx (m. 1883M) yang merupakan tokoh Sosialis dan Kapitalis, berpendapat bahawa Kristian dan semua agama di dunia hendaklah dimusnahkan terlebih dahulu sebagai proses membina alam agar manusia menjadi Tuhan. Kerana itu agama dianggap oleh Karl Marx ialah candu rakyat, dan dikatakan agama telah merampas kesedaran manusia dengan membawa episod kedukaan, sedangkan manusia berkeinginan menjadikan kehidupan alam ini lebih baik. Menurutnya lagi, bukan Tuhan yang mencipta manusia, tetapi manusialah yang mencipta Tuhan.[51] Malah Vladimir Lenin (m. 1924M) yang merupakan pendukung kuat falsafah Karl Marx turut berkata, bahawa agama adalah sejenis arak yang sangat kotor sehingga memabukkan akal serta menutup ingatan seseorang manusia

---

[50] Ludwig Andreas Feuerbach. 1881. *The Essence of Christianity*. Terj.: Marian Evans. London: Trubner & Co. Hlm. 2; 31; 197; 246; al-Bahi, Muhammad. 1428H. *Al-'Ilmaniyyah wa al-Islam Bayna al-Fikr wa al-Tatbiq*. Qahirah: Jami'ah al-Azhar. Hlm. 42-47.

[51] Karl Marx. 1970. *Critique of Hegel's Philosophy of Right*. UK: Oxford University Press. Dlm. https://www.marxists.org/archive/marx/works/download/Marx_Critique_of_Hegels_Philosophy_of_Right.pdf.

daripada mengingati tentang kesedaran untuk berusaha membebaskan diri.[52]

Selain itu, kepercayaan ateisme turut mendapat sokongan daripada sebilangan ahli politik di Barat seperti Charles Bradlaugh (m. 1891M). Beliau yang merupakan ahli parlimen di United Kingdom mewakili kawasan Northampton telah memperjuangkan hak golongan ateis agar mereka diiktiraf oleh kerajaan dan undang-undang. Charles Bradlaugh berkempen supaya ateisme diterima dalam kehidupan masyarakat di Barat, atau setidak-tidaknya kedudukan golongan ateis perlu setara dengan orang yang beragama. Perjuangan panjang beliau itu akhirnya mendapat tempat di Barat.[53] Charles Bradlaugh juga mendirikan Pertubuhan Sekular Kebangsaan (*National Secular Society*) pada tahun 1866. Prinsip asas pertubuhan ini, menurut pengasasnya, adalah untuk menggalakkan kebahagiaan manusia, melawan agama sebagai halangan dan menyerang hambatan undang-undang, kepada kebebasan berfikir (*freethought*) sebagai objektif utamanya.[54]

Kemuncaknya, Friedrich Wilhelm Nietzsche (m. 1900M) menyatakan bahawa Tuhan telah mati,[55] dan gagasan ini telah

---

[52] Vladimir Lenin. T.th. *Socialism and Religion*. Dlm. Socialism and Religion. Australia: Communist Party of Australia. Hlm. 3-8. Lihat juga al-Bahi. 1428H. *op.cit*. Hlm. 48-56.

[53] Charles Bradlaugh Society. *Charles Bradlaugh*. Dlm. https://charlesbradlaughsociety.files.wordpress.com/2015/12/charles-bradlaugh-wikipedia.pdf

[54] National Secular Society. *The National Secular Society: The First 150 Years 1866-2016*. Hlm. 4. Dlm. http://www.secularism.org.uk/uploads/the-national-secular-society-the-first-150-years-(1866-2016).pdf; National Secular Society. *Our story: 150 years of the National Secular Society*. Dlm. http://www.secularism.org.uk/history.html.

Pertubuhan Sekular Kebangsaan turut melaporkan berita tentang kumpulan ateis yang diberikan tekanan oleh kerajaan dan pihak berkuasa agama di Malaysia. Mereka secara jelas menyatakan sokongan kepada kumpulan ateis tersebut. Lihat National Secular Society. *Malaysia targets ex-Muslims over viral atheist photo*. Dlm. http://www.secularism.org.uk/news/2017/08/malaysia-targets-ex-muslims-over-viral-atheist-photo

[55] Friedrich Nietzsche. 1887. *The Gay Science. Leipzig*: E. W. Fritzsch. No: 108. Hlm. 167.

menjadi asas terpenting kepada ateisme dan lain-lain ideologi pascamoden, termasuklah eksitensialisme,[56] untuk tidak mempercayai Tuhan. Maka kehidupan dunia kini diisytiharkan bebas daripada kongkongan Tuhan dan agama. Kemunculan agama baru, khususnya berlandaskan sekularisme,[57] telah dicanangkan bagi menggantikan agama Kristian tradisional. Fenomena ini dikatakan bertepatan dengan proses evolusi perkembangan manusia daripada kanak-kanak menjadi dewasa dengan manusia harus membuang sifat kanak-kanak tersebut apabila mereka telah meningkat dewasa.[58] Disebabkan itu, Teori Evolusi yang dikemukakan oleh Charles Darwin (m. 1882M)[59] dan Teori *Big Bang* turut dikaitkan dengan ateisme.

Malah Friedrich Nietzsche dalam sebuah novel falsafahnya bertajuk *Thus Spake Zarathustra*, mempromosi kelahiran manusia terhebat bernama *Ubermensch* yang disebutkan oleh sebahagian pengkaji sebagai *Superman*. Manusia ini akan menggantikan kedudukan Tuhan yang telah mati dengan memerangi agama Kristian dan agama-agama yang lain.[60] Manakala Sigmund Freud (m. 1939M) pula menyatakan bahawa agama dan kepercayaan kepada Tuhan adalah ilusi sahaja. Agama juga sekadar untuk memenuhi keperluan kanak-kanak yang memerlukan pelindungan. Malah agama turut diumpamakan seperti penyakit jiwa yang menyerang

---

[56] Frederick Copleston. 2003. *A History of Philosophy: Logical Positivism and Existentialism*. London: Continuum. Hlm. 175.

[57] Sekularisme dan humanisme merupakan satu aspek alternatif positif kepada ateisme. Lihat Richard Cimino & Christopher Smith. 2014. *Atheist Awakening: Secular Activism and Community in America*. New York: Oxford University Press. Hlm. 76.

[58] al-Attas. 2014. *op.cit*. Hlm. 2-5.

[59] Encyclopaedia Britannica, Inc. 2005. *op.cit*. Jld. 1. Hlm. 666.

[60] Friedrich Nietzsche. 1999. *Thus Spake Zarathustra*. Terj: Thomas Common. USA: New York, The Modern Library: Random House, Inc. Hlm. 320.

kanak-kanak.[61] Demikian beberapa idea tentang ateisme yang kemudiannya diteruskan pula oleh tokoh-tokoh ateis zaman kini seperti Stephen Hawking,[62] Richard Dawkins[63] dan sebagainya lagi.

Berdasarkan paparan sebahagian pemikiran tokoh ateisme tersebut, keracunan pemikiran sebegini merupakan sejarah terburuk dalam kehidupan beragama di Barat, sebelum ia berkembang ke seluruh dunia sehingga kini. Malah perkembangan pemikiran moden semasa menunjukkan bahawa ia tidak akan berhenti setakat ateisme ini sahaja. Menurut *WIRED Magazine* keluaran November 2006 yang dipetik daripada Richard Dawkins, Sam Harris dan Daniel Dennet, pada abad ke-21 kini, pergerakan ateisme diistilahkan sebagai *New Atheism*. Walaupun tiada bezanya dengan ateisme yang asal, namun *New Atheism* membawa satu bentuk ateisme yang sangat mudah dengan slogan: "*Tiada syurga. Tiada neraka. Hanya sains*." Kepercayaan dan pengaruh terhadap agama tidak boleh dibiarkan dan perlu dilawan, dikritik dan dibongkar dengan hujah rasional.[64]

---

[61] Sigmund Freud. 1961. *The Future of an Illusion*. Terj: James Strachey. New York: WW Norton & Company Inc. Hlm. 30; 51.

[62] NBC News. 23 September 2014. '*I'm an Atheist': Stephen Hawking on God and Space Travel*. Dlm. https://www.nbcnews.com/science/space/im-atheist-stephen-hawking-god-space-travel-n210076

[63] Bukunya yang terkenal mengenai ketidakwujudan tuhan ialah *The God Delusion*. Lihat Richard Dawkins. 2006. *The God Delusion*. London: Bantam Press. Namun Antony Flew, penulis buku *There is a God: How the World's Most Notorious Atheist Changed His Mind*, dalam sebuah temubual telah menyanggah buku Richard Dawkins tersebut dengan menyatakan: "*If that's the best argument you (Richard Dawkins) have, then the game is over*." Lihat Tothesource. 30 Oktober 2007. *Exclusive Flew Interview*. Dlm. http://tothesource.org/uncategorized/exclusive-flew-interview/

[64] WIRED Magazine. 2006. *The Church of the Non-Believers*. Dlm. https://www.wired.com/2006/11/atheism/

Manakala sebilangan pengkaji didapati telah mula membincangkan apa pula ideologi baru yang akan muncul selepas ateisme.[65] Mungkinkah ideologi baru tersebut akan mengangkat manusia sendiri sebagai tuhan?[66] Perkara ini tidak mustahil berlaku pada masa hadapan, memandangkan sebahagian manusia pada masa kini telah pun menolak kewujudan Tuhan, atau percaya bahawa Tuhan telah mati, sehingga mereka menjadikan akal sebagai Tuhan yang baru. Malah menurut Karen Armstrong, pemikiran ateis pada akhir abad ini menyatakan bahawa sekiranya dikatakan Tuhan belum lagi mati, maka adalah menjadi tugas manusia yang rasional untuk membunuhnya.[67] Hal ini bagi membolehkan manusia menjadi Tuhan.

PERKEMBANGAN ATEISME DI MALAYSIA

Secara mudahnya, ateisme pada masa kini boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu ateisme eksplisit (positif) dan ateisme implisit (negatif).[68] Ateisme eksplisit merujuk kepada golongan ateis yang kuat berpegang dengan kepercayaan bahawa Tuhan tidak wujud, manakala ateisme implisit adalah golongan ateis yang lebih lemah daripada ateisme eksplisit. Namun George

---

[65] Berikut beberapa buah buku yang membincangkan perkara ini: David C. Lewis. 2000. *After Atheism: Religion and Ethnicity in Russia and Central Asia*. New York: Routledge; Mark Vernon. 2007. *After Atheism: Science, Religion and the Meaning of Life*. New York: Palgrave Macmillan; Phil Ryan. 2014. *After the New Atheist Debate*. Toronto: University of Toronto Press.

[66] Sejarah Firaun mengaku sebagai tuhan antara kisah yang dirakamkan oleh Allah SWT dalam al-Quran sebagai pengajaran kepada manusia. Lihat surah al-Qasas (28): ayat 38; al-Nazi'at (79): ayat 24.

[67] Karen Armstrong. 1999. *The History of God*. London: Vintage Books. Hlm. 406.

[68] Berdasarkan sudut pandang yang berbeza-beza tentang ateisme, maka wujud beberapa lagi bentuk pembahagian jenis, tetapi ia tidak dinyatakan di sini. Penulis merasakan pembahagian jenis ini sudah memadai untuk digunakan dalam tulisan ini.

Hamilton Smith ketika mendefinisikan kedua-dua istilah ini menyatakan bahawa ateisme implisit adalah merujuk kepada ketiadaan kepercayaan terhadap agama dan Tuhan tanpa melakukan penolakan secara sedar. Sedangkan ateisme eksplisit merujuk kepada ketidakpercayaan terhadap agama dan Tuhan yang dilakukan secara sedar.[69] Menurut Michael L. Martin, agnostisme termasuk dalam salah satu daripada jenis ateisme implisit, yang mana mereka masih ragu-ragu tentang kewujudan Tuhan, walaupun dari aspek definisinya adalah berbeza.[70]

Dalam hal ini, menurut kajian yang dilakukan oleh *Global Index of Religiousity and Aetheism* pada tahun 2012 oleh *WIN-Gallup International*, daripada 50,000 responden yang dipilih daripada 57 buah negara, data yang diperolehi menunjukkan bahawa 13 peratus atau 6,500 responden mengaku bahawa mereka adalah ateis. Manakala 23 peratus atau 11,500 responden menyatakan bahawa mereka tidak beragama dan 59 peratus atau 29,500 responden sahaja yang mengakui bahawa mereka beragama. Keputusan ini sangat membimbangkan dengan 36 peratus atau 18,000 responden menyatakan bahawa mereka adalah ateis dan tidak beragama. Keputusan ini juga menunjukkan bahawa wujudnya pola pemikiran manusia secara besar-besaran yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan dan tidak beragama.[71]

---

[69] George Hamilton Smith adalah tokoh ateis terkini yang memperkenalkan istilah ateisme eksplisit dan ateisme implisit. Lihat George H. Smith. 1989. *Atheism: The Case Against God*. USA: The American Rationalist. Hlm. 13.

[70] Michael Martin. 2006. *The Cambridge Companion to Atheism (General Introduction).* UK: Cambridge University Press. Hlm. 2.

[71] WIN-Gallup International. 2012. *Global Index of Religiousity and Aetheism 2012*. Switzerland: WIN-Gallup International. Hlm. 2. Dlm. http://www.wingia.com/web/files/news/14/file/14.pdf

Menurut kajian ini lagi, China merupakan negara yang paling ramai mengaku sebagai ateis iaitu 47 peratus, diikuti oleh Jepun 31 peratus, Republik Czech 30 peratus dan Perancis 29 peratus.[72] Arab Saudi pula merupakan negara Islam serta negara Arab paling ramai ateis[73] iaitu 5 peratus, diikuti oleh Palestin 4 peratus, Pakistan dan Turki 2 peratus.[74] Manakala di Malaysia, tiada pengakuan tentang ateis dilaporkan iaitu 0 peratus, sedangkan pada tahun 2005 dicatatkan 4 peratus ateis.[75] Walau bagaimanapun, 13 peratus dilaporkan tidak beragama di Malaysia dan 6 peratus lagi tidak diketahui pegangan mereka.[76] Kajian ini turut meletakkan Malaysia menduduki tangga ke-17 daripada 57 buah negara yang berpegang dengan agama iaitu 81 peratus,[77] melonjak 4 peratus berbanding tahun 2005 iaitu 77 peratus.[78]

Lambakan bahan bacaan berkaitan ateisme, yang boleh dimiliki secara mudah pada hari ini, dijangka akan meningkatkan lagi jumlah ateis Muslim pada masa hadapan. Contohnya, sebuah buku bertajuk *The Atheist Muslim: A Journey from Religion to Reason* tulisan Ali A. Rizvi, yang membawa

---

[72] *Ibid*. Hlm. 3.
[73] Beberapa buku dilihat cuba menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan semakin ramai Muslim di negara-negara Arab menjadi ateis. Antaranya lihat Ahmed Abdulrahman. 2017. *The Rise of Arab Atheism*. T.t.p: Independently Published; Brian Whitaker. 2014. *Arabs Without God*. Amazon.com, UK: Createspace Independent Publishing. Buku *Arabs Without God* ini boleh dibaca secara *online* (http://al-bab.com/book/arabs-without-god) dan turut diterjemahkan dalam bahasa Arab. Lihat Brian Whitaker. T.th. *'Arab bila Rabb*. Amazon.com, UK: Createspace Independent Publishing.
[74] WIN-Gallup International. 2012. *op.cit*. Hlm. 11.
[75] *Ibid*. Hlm. 13.
[76] *Ibid*. Hlm. 15.
[77] *Ibid*. Hlm. 10.
[78] *Ibid*. Hlm. 12.

idea dan kisah membebaskan diri daripada Tuhan (Allah SWT) dan agama (Islam),[79] boleh dibaca dan dibeli secara atas talian (online).[80] Kesan globalisasi dunia tanpa sempadan serta faktor pegangan akidah yang lemah, akan mengakibatkan umat Islam lebih mudah terdedah kepada pengaruh ateisme. Sebagaimana berlaku terhadap Ahmad Harqan dari Arab Saudi, yang asalnya beliau merupakan seorang Islam yang kuat berpegang dengan aliran Wahabi (Salafi),[81] kemudian berubah menjadi liberal dan seterusnya menjadi ateis.[82]

Menurut al-Amoudi, sejak beberapa tahun kebelakangan ini jumlah ateis semakin meningkat di negara Arab. Pemikiran ini disebarkan secara meluas melalui medium internet

---

[79] Ali A. Rizvi. 2016. *The Atheist Muslim: A Journey from Religion to Reason*. New York: St. Martin's Press.

[80] Banyak lagi buku ateis Muslim yang boleh diakses secara atas talian, antaranya buku tulisan Ibn Warraq. Lihat Ibn Warraq. 1995. *Why I am Not a Muslim.* New York: Prometheus Books; Ibn Warraq. 2003. *Leaving Islam - Apostates Speak Out*. New York: Prometheus Books.

[81] Antara ciri utama Wahabi (Salafi) ialah menolak tradisi dan autoriti mazhab (*al-lamadhhabiyyah*). Dalam hal ini, al-Kawthari (m. 1371H /1951M) melahirkan kebimbangan tentang pemikiran menolak mazhab yang dipegang oleh Wahabi (Salafi) kerana pada akhirnya ia boleh membawa kepada menolak agama (*al-ladiniyyah*). Lihat al-Kawthari, Muhammad Zahid al-Hasan. 2006. *Al-Lamadhhabiyyah Qantarah al-Ladiniyyah*. Qahirah: Al-Maktabah al-Azhariyyah Lilturath. Hlm. 3-10.

[82] Misr al-'Arabiyyah. 5 November 2014. *Ahmad Harqan: Min Salafi Mutashayyid ila Mulhid*. Dlm. http://www.masralarabia.com/%D8%AA%D8%AD%D9%82%D9%8A%D9%82%D8%A7%D8%AA/402851-%D8%A3%D8%AD%D9%85%D8%AF-%D8%AD%D8%B1%D9%82%D8%A7%D9%86-%D9%85%D9%86-%D8%B3%D9%84%D9%81%D9%8A-%D9%85%D8%AA%D8%B4%D8%AF%D8%AF-%D8%A5%D9%84%D9%89-%D9%85%D9%84%D8%AD%D8%AF.

Begitu juga pengakuan seorang seorang ateis Melayu-Muslim, dikenali sebagai Wan Izzuddin, yang asalnya berfahaman Wahabi (Salafi), kemudian berubah menjadi seorang ateis. Lihat Melayu Ateist. 27 Ogos 2013. *Perjalananku Menuju Atheisme Part 4*. Dlm. http://melayuatheist.blogspot.my/2013/08/perjalananku-menuju-atheisme-part-4.html; Melayu Ateist. 5 September 2013. *Perjalananku Menuju Atheisme Part 5*. Dlm. http://melayuatheist.blogspot.my/2013/09/perjalananku-menuju-atheisme-pma-part-5.html

dan media massa sehingga ia menjadi suatu kebiasaan bagi golongan terpelajar. Jelasnya, antara faktor penyebab berlakunya gejala ateisme di negara Arab adalah sebagai reaksi kepada pemikiran jumud dan ekstrem dalam persoalan agama serta masalah kemiskinan dan penindasan dalam isu negara.[83] Namun isu ateisme ini kurang mendapat perhatian yang serius oleh pemimpin dan sarjana di negara Arab terbabit. Mereka mungkin disibukkan dengan isu lain sehingga terlupa dengan masalah ateisme yang sedang melanda negara mereka.

Dalam sebuah kajian lain yang dilakukan oleh *The Pew Forum on Religion and Public Life* pada tahun 2010 terhadap 5.8 bilion responden seluruh dunia, didapati seramai 1.1 bilion manusia iaitu 16 peratus adalah tidak beragama. Kategori tidak beragama ini terdiri daripada golongan ateis, agnostik dan responden yang tidak mengetahui agama mereka sendiri. Walau bagaimanapun, mereka yang tidak beragama ini kadang-kadang dilihat terpengaruh untuk melakukan beberapa amalan orang yang beragama. Menurut kajian ini lagi, China merupakan negara tertinggi yang mempunyai manusia tidak beragama iaitu 62 peratus atau 700 juta orang, diikuti oleh Jepun 6.4 peratus dan Amerika Syarikat 4.5 peratus. Tiada negara Islam dalam kedudukan 10 teratas bagi tidak beragama.[84]

Selain itu, *WIN-Gallup International* juga melantik *TNS Malaysia* sebagai wakil mereka di Malaysia bagi melakukan

---

[83] al-Amoudi, Muhammad Omar. *Why are there so many atheists in the Arab world?*. Dlm. http://saudigazette.com.sa/article/153393/Why-are-there-so-many-atheists-in-the-Arab-world

[84] The Pew Forum on Religion and Public Life. 2012. *The Global Religious Landscape: A Report on the Size and Distribution of the World's Major Religious Groups as of 2010*. Washington, D.C: Pew Research Center. Hlm. 24-25. Dlm. http://assets.pewresearch.org/wp-content/uploads/sites/11/2014/01/global-religion-full.pdf

kajian pada tahun 2014. Berdasarkan kajian tersebut ke atas 500 responden di Malaysia, didapati 3 peratus mengaku sebagai ateis dan 20 peratus tidak beragama. Daripada jumlah ateis itu, mereka yang terlibat berumur 18-34 tahun iaitu 7 peratus dan 35-54 tahun 6 peratus, berkerja 3 peratus dan pelajar 5 peratus, pendidikan tinggi 4 peratus dan sekolah menengah 3 peratus. Di samping itu, kajian ini melaporkan 72 peratus responden di Malaysia berpegang dengan agama dan 6 peratus lagi tidak diketahui pegangan mereka.[85] Berdasarkan keputusan yang dipaparkan ini, walaupun peratusan ateis di Malaysia masih berskala kecil,[86] tetapi ia sangat membimbangkan dan berpotensi untuk meningkat jika tidak diberikan perhatian yang serius oleh semua pihak.

Secara lebih tepat, berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2010, daripada keseluruhan rakyat Malaysia yang berjumlah 28,334,135 orang, seramai 202,763 orang atau 0.7 peratus dikategorikan sebagai tiada agama. Berikut jumlah terperinci tiada agama bagi negeri-negeri seluruh Malaysia: Johor seramai 11,239 orang, Kedah seramai 1,001 orang, Kelantan seramai 5,008 orang, Melaka seramai 1,745 orang, Negeri Sembilan seramai 8,565 orang, Pahang seramai 39,959 orang, Perak seramai 21,387 orang, Perlis seramai 432 orang, Pulau Pinang seramai 5,588 orang, Sabah seramai 9,850 orang, Sarawak seramai 65,056 orang, Selangor seramai 23,804 orang, Terengganu seramai 269 orang, Wilayah Kuala Lumpur

---

[85] WIN-Gallup International. 2014. *End of Survey Year 2014: Regional & Country Result - Malaysia*. Switzerland: WIN-Gallup International. Hlm. 10. Dlm. http://www.wingia.com/web/files/richeditor/filemanager/Malaysia_Tables_V3_a.pdf

[86] Lihat juga Norsaleha Mohd. Salleh dll. 2015. *Pemikiran Tidak Beragama dalam Kalangan Belia Islam di Malaysia: Satu Kajian Rintis*. Dlm. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin. Hlm. 40-55.

seramai 8,725 orang, Wilayah Labuan seramai 111 orang dan Wilayah Putrajaya seramai 24 orang.[87]

Negeri	**Jumlah penduduk**	**Tiada agama**	**Peratus**
Johor	3,348,283 orang	11,239 orang	0.3
Kedah	1,947,651 orang	1,001 orang	0.05
Kelantan	1,539,601 orang	5,008 orang	0.3
Melaka	821,110 orang	1,745 orang	0.2
Negeri Sembilan	1,021,064 orang	8,565 orang	0.8
Pahang	1,500,817 orang	39,959 orang	2.6
Perak	2,352,743 orang	21,387 orang	0.9
Perlis	231,541 orang	432 orang	0.1
Pulau Pinang	1,561,383 orang	5,588 orang	0.3
Sabah	3,206,742 orang	9,850 orang	0.3
Sarawak	2,471,140 orang	65,056 orang	2.6
Selangor	5,462,141 orang	23,804 orang	0.4
Terengganu	1,035,977 orang	269 orang	0.02

[87] Jabatan Perangkaan Malaysia. 2011. *Jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik, agama, jantina dan negeri, Malaysia, 2010*. Dlm. https://www.statistics.gov.my/censusatlas/images/ReligionEN.pdf; Jabatan Perangkaan Malaysia. 2011. *Laporan Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi 2010 (Kemas kini: 05/08/2011).* Dlm. https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=117&bul_id=MDMxdHZjWTk1SjFzTzNkRXYzcVZjdz09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09%20

Wilayah Kuala Lumpur	1,674,621 orang	8,725 orang	0.5
Wilayah Labuan	86,908 orang	111 orang	0.1
Wilayah Putrajaya	72,413 orang	24 orang	0.03
	28,334,135 orang	202,763 orang	0.7

Berdasarkan jadual di atas, walaupun tiada bangsa Melayu-Islam direkodkan dalam kategori tiada agama, namun ia tetap perlu diberikan perhatian. Hal ini kerana, realiti yang kelihatan dalam media sosial khususnya, menunjukkan bahawa terdapat bangsa Melayu yang beragama Islam telah menjadi ateis.[88] Namun, majoriti mereka mungkin takut untuk mengaku sebagai ateis secara terang-terangan, sehingga tiada rekod dalam data Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2010 bahawa orang Melayu berpegang dengan fahaman ateis. Perkembangan ini sangat membimbangkan memandangkan jumlah ateis diramal akan terus meningkat dari semasa ke semasa, dan mereka dijangka menjadi kumpulan majoriti menjelang tahun 2038.[89] Jangkaan ini secara tidak langsung memperlihatkan cabaran yang akan dihadapi oleh Malaysia pada masa hadapan.

[88] Contohnya, isu Juli Sumardiati Mohd Jalaludin yang mengistiharkan keluar dari Islam (murtad) untuk menjadi seorang ateis dengan menubuhkan laman Facebook Murtads di Pantai Timur. Begitu juga isu Hazim Ismail yang mendapat perlindungan daripada Kanada, apabila identiti beliau sebagai gay dan ateis diketahui oleh ibubapanya. Lihat Harian Metro. 4 Mei 2014. *Padah Hina Islam*. Kuala Lumpur: New Straits Times Press (M) Bhd. Hlm 1; 12; 14; Malaysiakini. 6 April 2016. *Kanada beri status pelarian pada gay, ateis Malaysia*. Dlm. https://m.malaysiakini.com/news/336687

[89] Huffpost. 6 Mei 2012. *Atheism to Defeat Religion by 2038*. Dlm. http://www.huffingtonpost.com/nigel-barber/atheism-to-defeat-religion-by-2038_b_1565108.html

Tarikh sebenar kemunculan ateisme di Malaysia tidak dapat ditentukan secara tepat. Namun, menurut Abdul Rahman Abdullah, sejarah ateisme di Malaysia awalnya berkembang dalam bentuk Marxisme atau Komunisme[90] melalui kegiatan politik dan sastera. Parti Komunis Malaya (PKM) yang didirikan pada tahun 1930 contohnya, mula menjalinkan hubungan dengan orang Melayu khususnya dengan Kesatuan Melayu Muda (KMM). Salah seorang Penasihat Sulit KMM ialah Sutan Djenain dari Indonesia, sebagaimana didedahkan oleh Mustapa Hussein iaitu bekas Naib Presiden KMM, merupakan seorang komunis dan ateis. Malah antara syarat menjadi public figure Komunis atau orang kepercayaan PKM ialah pengakuan tidak percayakan agama.[91] Pernah terjadi dialog antara Mokhtaruddin Lasso selaku Presiden KMM dengan (Dr) Burhanuddin al-Helmi. Dalam dialog tersebut, Mokhtaruddin menyatakan bahawa Tuhan tidak ada, sebab kalau Dia ada, tentu Dia berkuasa membuat kasut terompah.[92]

Selain itu, pengaruh ateisme juga terdapat dalam kegiatan sastera dan pendidikan. Seorang tokoh pengasas ASAS 50 iaitu Hamzah Husin, mengakui bahawa gejala ateisme serta Marxisme atau Komunisme sudah menular dalam sastera Melayu pada tahun 50-an lagi. Bahkan terdapat sasterawan yang menyatakan bahawa Tuhan tidak ada dan mempersoalkan apakah sebenarnya ada syurga di akhirat. Demikian juga sekitar tahun 60-an, misalnya Nordin Omar telah membawa mesej anti Tuhan dan dirinya sendiri (penyair) dikatakan sebagai

---

[90] Lihat idea Karl Marx yang merupakan pengasas Marxisme atau Komunisme dalam perbincangan di atas.

[91] Abdul Rahman Abdullah. 1998. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 177-179.

[92] Ahmad Boestamam. 1972. *Dr. Burhanuddin: Putera Setia Melayu Raya*. Kuala Lumpur: Pustaka Kejora. Hlm. 5-8.

Tuhan.[93] Kassim Ahmad[94] juga turut mengeluarkan ungkapan kontroversi pada ketika itu yang disifatkan membawa ateisme melalui sebuah syair bertajuk Sidang Roh: *"Nanti akan padamlah dengan sendirinya, lampu dari menara tinggi, kerana di bawahnya orang kian mabuk, dan Tuhan sudah mati."*[95]

Malah pada tahun 1970-an, sebuah novel bertajuk Atheis tulisan Achdiat K. Mihardja dari Indonesia,[96] telah dipilih sebagai teks sastera untuk Sijil Tinggi Persekolahan. Antara babak dalam buku tersebut memperlihatkan pengarangnya tidak cuba membela agama Islam apabila diserang oleh Hassan selaku watak utamanya. Antara kesannya, seorang penuntut Tingkatan Enam Atas Sastera telah menyerang Islam sebagai *localised religon* yang sudah *out-of-date*.[97] Walaupun selepas kejadian itu novel Atheis telah mendapat tentangan daripada umat Islam, namun ia masih diterbitkan di Malaysia sehingga tahun 1980-an.[98] Justeru, dalam tempoh yang panjang sehingga kini, tidak mustahil pemikiran ateisme terus berkembang dalam masyarakat sering dengan kemajuan di Malaysia.

Maka pendedahan tentang kumpulan *Atheist Republic* berpangkalan di Kanada yang mengadakan perjumpaan tahunan bagi ahli mereka di Malaysia baru-baru ini, bukanlah suatu yang menghairankan, walaupun ia mengejutkan banyak

[93] Abdul Rahman Abdullah. 1998. *op.cit*. Hlm. 179-180.

[94] Kassim Ahmad dikatakan sebagai tokoh anti Hadis. Bukunya bertajuk *Hadis: Satu Penilaian Semula* mendapat bantahan dan kritikan keras dari para ulama dan sarjana tempatan.

[95] Kassim Ahmad. 1985. *Kemarau di Lembah*. Kuala Lumpur: Teks Publising. Hlm. 61.

[96] Novel ini turut diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Lihat Achdiat K. Mihardja. 1973. *Atheis*. Terj.: R.J. Maguire. Australia: University of Queensland Press.

[97] Abdul Rahman Abdullah. 1998. *op.cit*. Hlm. 180-181.

[98] Achdiat K. Mihardja. 1984. *Atheis*. Johor: Penerbit Penamas Sdn. Bhd.

pihak. *Atheist Republic* diasaskan oleh Armin Navabi dari Iran yang kini menetap di Amerika. Beliau dilahirkan dalam sebuah keluarga Muslim Liberal di mana ibu bapanya tidak mengamalkan ajaran Islam. Setelah beberapa kali gagal dalam percubaan membunuh diri, beliau semakin percaya bahawa Tuhan tidak wujud. Bermula pada tahun 2011, Armin telah memulakan penubuhan *Atheist Republic* untuk mengumpulkan para ateis seluruh dunia.[99] Sekarang gerakan menolak kewujudan Tuhan ini mempunyai hampir 1.7 juta pengikut di Facebook mereka.[100] Beliau juga ada menulis sebuah buku bertajuk *Why There is No God: Simple Responses to 20 Common Arguments for the Existence of God*.[101]

Menurut kenyataan *Atheist Republic*, walaupun terdapat pelbagai tafsiran tentang ateisme, namun penubuhan *Atheist Republic* adalah salah satu daripada organisasi yang cuba menyerlahkan betapa baiknya untuk menimbulkan persoalan dan mencari jawapan, iaitu idea yang sering dikecam oleh ramai orang beragama. Pasukan di *Atheist Republic* akan berusaha untuk mendidik mereka yang berminat dengan ateisme, kerana mereka yang berpegang dengan ateisme sebulat suara percaya bahawa kefahaman mengenai sesuatu subjek itu akan membantu seseorang melihat bagaimana kebanyakan serangan yang dibuat ke atas ateisme dan ateis adalah berdasarkan anggapan yang salah. Malah, menurut *Atheist Republic* lagi, ramai orang yang masih kurang pengetahuan tentang kebenaran ateisme dan ateis sehingga menolak mereka.[102]

---

[99] Atheist Republic. *The Foundation of Atheist Republic.* Dlm. http://www.atheistrepublic.com/blog/mohammedsavage/foundation-atheist-republic

[100] Lihat Facebook *Atheist Republic*: https://www.facebook.com/AtheistRepublic/

[101] Armin Navabi. 2014. *Why There is No God: Simple Responses to 20 Common Arguments for the Existence of God*. T.t.p: *Atheist Republic*.

[102] Atheist Republic. *About Atheism*. Dlm. http://www.atheistrepublic.com/about-atheism

Dalam penelitian di media sosial, terdapat beberapa laman di Facebook yang bertujuan untuk menyebarkan ateisme di Malaysia. Antaranya kumpulan *Warung Atheist* yang mempunyai keahlian seramai lebih 5000 orang,[103] kumpulan *Malaysian Atheist Confessions* yang mempunyai keahlian seramai lebih 2,000 orang,[104] kumpulan *Malaysian Atheists, Freethinkers, Agnostics and Their Friends* mempunyai keahlian seramai lebih 1900 orang[105] dan kumpulan *Atheist Republic of Malaysia* yang mempunyai keahlian seramai lebih 1800 orang.[106] Itu belum lagi dilihat dalam media sosial lain seperti Twitter yang dikatakan penggunanya lebih terbuka dari Facebook. Selain itu, beberapa blog turut dikesan menyebarkan fahaman ateis. Antaranya blog *Melayu Ateist* yang ditulis sejak tahun 2013 lagi bagi tujuan perkongsian tentang 'perjalanan anak Melayu menuju kebenaran',[107] blog *Malaysian Humanist*,[108] blog *Aku Seorang Bekas Islam*[109] dan sebagainya lagi.

Semua ini membuktikan bahawa gejala ateisme dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya Melayu-Islam, pada masa kini berada di tahap yang sangat membimbangkan. Perkembangan pesat ateisme ini sudah tentu dipengaruhi oleh beberapa faktor dalaman dan luaran yang memerlukan

---

[103] Warung Atheist. Dlm. https://www.facebook.com/groups/warong.atheist

[104] Malaysian Atheist Confessions. Dlm. https://www.facebook.com/melayuatheistconfession

[105] Malaysian Atheists, Freethinkers, Agnostics and Their Friends. Dlm. https://www.facebook.com/groups/760774403964961

[106] Atheist Republic of Malaysia. Dlm. https://www.facebook.com/groups/464419150396756

[107] Melayu Ateist. 24 Julai 2013. *Pendahuluan*. Dlm. http://melayuatheist.blogspot.my/2013/07/pendahuluan.html

[108] Malaysian Humanist. 29 September 2013. *Salah Faham Lazim Terhadap Ateisme*. Dlm. http://malaysianhumanist.blogspot.my/2013/09/salah-faham-lazim-terhadap-ateisme.html

[109] Aku Seorang Bekas Islam. *Kenapa saya tinggalkan Islam*. Dlm. http://abu-yusufmalizi.blogspot.my/p/kenapa-aku-tinggal-islam.html

kajian dan penelitian lebih mendalam. Melalui kajian dan penelitian tersebut, satu kaedah yang sistematik dan menyeluruh perlu difikirkan bersama bagi membendung gejala ateisme dan ideologi moden yang lain daripada terus menular mempengaruhi umat Islam di Malaysia. Jika tiada sebarang usaha yang berterusan dan bersungguh-sungguh pada masa kini, diyakini jumlah ateis di Malaysia akan terus meningkat lebih ramai lagi pada masa hadapan. Perkara sebegini tidak seharusnya dibiarkan berlaku di bumi Malaysia yang majoriti rakyatnya adalah beragama Islam.

KECELARUAN PEMIKIRAN GOLONGAN ATEIS

Selepas artikel penulis bertajuk *Bahaya Ateisme: Pemikiran Menolak Tuhan* diterbitkan oleh majalah Dewan Tamadun Islam,[110] penulis telah menerima komentar serta kritikan daripada pelbagai pihak dalam media sosial, khususnya di Facebook. Antara komentar tersebut menyatakan: *"Menolak tuhan tak bahaya, memaksa orang mempercayai dan menghukum mereka yang tidak mengikut kepercayaan kamu, itu lebih bahaya!."* Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa golongan liberal turut memayungi atau menyokong ateisme kerana ia dikatakan sebagai hak asasi manusia golongan ateis dalam mengamalkan kepercayaan mereka.[111] Namun, daripada beberapa kritikan tersebut, penulis tertarik dengan satu kritikan yang dihantar oleh seorang ateis kepada penulis secara personal melalui *messenger*.

---

[110] Muhammad Rashidi Wahab. 2017. *Bahaya Ateisme: Pemikiran Menolak Tuhan*. Dlm. Dewan Tamadun Islam 10. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 21-23.

[111] Walau bagaimanapun, John Locke (m. 1704M) selaku bapa liberalisme dilihat tidak bersetuju dengan falsafah ateisme yang menolak kewujudan Tuhan. Lihat John Locke. 1765. *Letters Concerning Toleration*. London: Printed For A. Millar dll. Hlm. 60.

Dalam dialog kami, ateis tersebut (KM, bukan nama sebenar) menyatakan bahawa beliau merupakan seorang gay dan telah murtad dari Islam (*ex-Muslim*). KM didapati telah terpengaruh dengan kumpulan *Atheist Republic* sehingga menyebabkan beliau memilih untuk menjadi seorang ateis. Beliau kelihatan sangat yakin dengan pegangan ateisme tersebut dan mengatakan: *"Ramai tak selesa disebabkan agama. Saya takkan beragama walaupun dibunuh ataupun dihukum berterusan tanpa henti."* Justeru, menurut KM, semakin ramai orang Muslim di Malaysia akan berpegang dengan fahaman ateis pada masa hadapan disebabkan beberapa faktor, antaranya tiada jawapan terhadap pelbagai persoalan mengenai kewujudan Tuhan. Berikut dirumuskan beberapa sebab atau persoalan tersebut:

1. Manusia yang beragama tidak dapat membuktikan tentang kewujudan Tuhan sama ada melalui pancaindera atau kaedah saintifik. Tidak logik untuk menyembah Tuhan yang tidak dapat dilihat dengan mata dan juga tidak dapat dibuktikan oleh kajian empirikal. Perkara ini menunjukkan bahawa Tuhan tidak wujud.

2. Setiap agama mendakwa bahawa mereka adalah agama yang benar dan mempunyai Tuhan untuk disembah. Tetapi mengapakah setiap agama memiliki Tuhan masing-masing yang berbeza-beza? Tuhan agama manakah yang sebenar-benar Tuhan?

3. Kepercayaan orang Muslim bahawa setiap perbuatan memerlukan keizinan daripada Tuhan adalah tidak benar. Melahirkan anak contohnya, adalah perbuatan manusia bersifat semulajadi yang tidak memerlukan

izin daripada Tuhan. Campur tangan Tuhan terhadap perbuatan manusia adalah satu jenayah.

4. Berdasarkan konsep keizinan dari Tuhan, didapati agama Islam diasaskan oleh ketakutan. Disebabkan itu, ramai Muslim Rohingya dibunuh kerana mereka takut untuk keluar bebas daripada kongkongan agama dan Tuhan yang telah ditakdirkan kepada mereka.

5. Islam adalah agama keganasan dan kekejaman kerana mereka dibolehkan untuk membunuh atau menyembelih manusia dan haiwan. Apatah lagi manusia dan haiwan yang mereka bunuh tersebut bukan seorang atau seekor pembunuh.

6. Tuhan tidak mengetahui semua perkara. Jika Tuhan mengetahui, sudah tentu Dia boleh menciptakan telefon dan pelbagai peralatan lain. Tuhan sengaja menciptakan manusia dan haiwan, sedangkan Dia telah menetapkan mereka akan masuk ke dalam neraka.

7. Ibu bapa merupakan pembunuh kepada anak mereka sendiri. Ini kerana, anak tersebut dijaga dan dikawal oleh ibu bapa, sedangkan kematian adalah suatu kemestian. Jika anak tersebut mati, mengapakah ibu bapa yang melahirkan tidak pula dihukum?

8. Apa yang berlaku kepada manusia selepas sesuatu agama diciptakan? Manusia yang berpegang kepada agama masih mempercayai Tuhan dan arahan-Nya untuk membunuh sesiapa sahaja yang menyalahi agama mereka.

9. Kenapa manusia masih percaya kepada neraka, sedangkan neraka tidak dapat dilihat dan dibuktikan? Logikkah jika kita ingin membeli sebuah rumah, tetapi rumah tersebut tidak kelihatan. Ini menunjukkan bahawa neraka tidak wujud.

10. Kepercayaan agama Islam adalah tidak benar kerana menyatakan bahawa agama selain Islam adalah salah. Ini kerana, setiap agama mempunyai Tuhan masing-masing, jadi mengapakah agama selain Islam dikatakan tidak benar oleh agama Islam?

11. Jika benar andaian bahawa neraka itu wujud, ia menunjukkan bahawa Tuhan telah gagal membuktikan kewujudan-Nya kepada manusia. Manusia akan percaya kepada neraka sahaja, sedangkan kewujudan Tuhan tidak dapat dibuktikan.

12. Tidak akan wujud agama dan Tuhan jika tiada kepercayaan tentang agama dan Tuhan. Ini bermaksud, kepercayaan ateisme adalah benar kerana setiap manusia yang dilahirkan asalnya tidak beragama dan tidak mempercayai Tuhan.

Berdasarkan persoalan yang ditimbulkan ini, penulis melihat hanya beberapa soalan sahaja yang benar-benar memfokuskan isu kewujudan Tuhan. Lain-lain soalan lebih bersifat emosional yang bertujuan untuk memburuk-burukkan agama Islam, atau bersifat persoalan ranting sahaja, berbanding isu utama tentang ketidakpercayaan mereka terhadap kewujudan Tuhan. Hal ini sebagaimana diakui sendiri oleh KM, katanya: *"Mesej ni mewakili ramai yang dah/masih/akan*

tak percaya ada kewujudan Tuhan yang masih tak dapat dilihat oleh semua manusia yang masih hidup sebagai manusia… Buatlah pembaharuan kalau nak sangat mereka percaya ada kewujudan Tuhan sebab mereka hanya percaya perkara/benda yang hanya boleh dilihat/disentuh."

Selain itu, gaya penulisan dan ayat yang digunakan oleh KM jelas menunjukkan bahawa beliau, atau mungkin majoriti ateis yang lain, bersikap memberontak dan tidak memiliki kematangan dalam mengemukakan persoalan serta hujah. Hal ini mungkin disebabkan mereka menyedari bahawa ateisme adalah fahaman yang tidak benar serta tidak memiliki asas ilmiah yang kuat, sebagaimana yang pernah dikatakan oleh Antony Flew kepada Richard Dawkins (ateis): *"If that's the best argument you have, then the game is over."*[112] Berdasarkan dialog dan persoalan yang dikemukakan ini juga membuktikan bahawa masalah terbesar golongan ateis adalah kejahilan, kekeliruan dan kedegilan mereka dalam memahami persoalan ilmu serta kebenaran tentang Tuhan.

Contoh KM ini juga menunjukkan bahawa golongan ateis di Malaysia tidak begitu memahami falsafah ateisme sebagaimana yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh ateis. Mungkin sebahagian mereka sekadar mengikut arus atau *trend* anak muda di Barat pada masa kini yang kelihatan *sempoi* atau *cool* dengan status tidak beragama atau ateis. Apatah lagi sifat anak muda sememangnya suka kepada kebebasan tanpa sebarang kongkongan, termasuklah bebas dalam soal agama dan kepercayaan. Maka jalan pintas kepada kebebasan yang diinginkan tersebut ialah dengan memeluk fahaman ateis, tanpa mereka menyedari kepincangan pemikiran itu.

---

[112] Lihat notakaki no. 63.

Walau bagaimanapun, jika diteliti daripada pelbagai sorotan, didapati kecelaruan pemikiran golongan ateis hanya didasari oleh dua persoalan pokok sahaja iaitu:

1. Jika Tuhan ada, kenapa Tuhan tidak dapat dibuktikan melalui penglihatan dan kajian empirikal? Tunjukkan di manakah Tuhan sekarang?

2. Jika benar Tuhan yang menciptakan manusia dan alam semesta ini, siapakah pula yang menciptakan Tuhan?

Manakala selain daripada dua soalan ini, seperti; jika Tuhan ada, mengapakah bencana, kezaliman dan kemiskinan masih berlaku di dunia?, atau; kenapa kita perlu kepada agama?, atau lain-lain soalan seumpamanya, adalah persoalan yang dianggap sebagai ranting daripada dua persoalan pokok tersebut. Jika persoalan pokok ini dapat diselesaikan, maka persoalan ranting yang lain adalah lebih mudah untuk dijelaskan kepada mereka. Justeru, penulis hanya akan memfokuskan kepada menjawab dua persoalan pokok ini sahaja kerana ia merupakan tunjang utama dalam penghujahan golongan ateis untuk tidak mempercayai kewujudan Tuhan.

ISLAM MEMBUKTIKAN KEWUJUDAN ALLAH SWT

Ancaman ateisme bukan perkara baru dalam sejarah pemikiran Islam. Ulama Islam seperti (Imam) al-Ghazali (m. 1111M/505H) misalnya, telah berhadapan dengan serangan ahli falsafah pada zamannya, termasuklah daripada golongan materialis *dahriyyun* yang menyangkal kewujudan Allah SWT dengan merumuskan bahawa alam ini bersifat *qadim* dan tercipta

dengan sendirinya.[113] Kemudian, al-Ghazali melalui karyanya *Tahafut al-Falasifah* menjawab dengan tegas bagi meluruskan kembali kekacauan pemikiran tersebut. Kritikan ini akhirnya membuatkan ahli falsafah tidak mampu lagi untuk bangun bagi mempertahankan pemikiran mereka tentang; ketidakwujudan Tuhan kerana alam *qadim*, tiada kebangkitan jasmani dan Tuhan tidak mengetahui perkara *juz'iyyat*. Menurut al-Ghazali, dalam akidah Islam, Allah SWT adalah Tuhan *Wajib al-Wujud* sebagai Maha Pencipta yang menjadikan sesuatu daripada tiada kepada ada. Jika alam ini dikatakan *qadim*, bermaksud alam tidak diciptakan. Perkara ini mustahil kerana bukti *naqli* dan *'aqli* menunjukkan bahawa alam ini adalah baharu.[114]

Justeru, dalam wacana akidah semasa berdasarkan pengajian Sifat 20 sifat yang wajib bagi Allah SWT,[115] ulama ASWJ dalam kalangan Asha'irah dan Maturidiyyah, telah menetapkan bahawa sifat *Nafsiyah* hanya mempunyai satu sifat sahaja iaitu sifat Wujud. Wujud ertinya ada dan tetap (*al-thaqquq wa al-thubut*) di alam kenyataan,[116] dan ia adalah sifat yang paling penting dalam perbincangan Sifat 20. Terdapat banyak dalil dalam al-Quran dan hadis yang menunjukkan

---

[113] al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad. 2003. *Al-Munqidh Min al-Dalal*. Tahqiq: Jamil Saliba & Kamil I'yad. Bayrut: Dar al-Andalus. Hlm. 96-97.

[114] al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad. 1961. *Tahafut al-Falasifah*. Tahqiq: Sulayman al-Dunya. Misr: Dar al-Ma'arif. Hlm. 89.

[115] Walaupun al-Sanusi hanya mengemukakan 20 sifat sahaja di dalam karyanya *Umm al-Barahin*, ini bukan bermakna beliau menyatakan bahawa Allah SWT hanya mempunyai 20 sifat sahaja. Dimaksudkan dengan Sifat 20 tersebut adalah sifat-sifat wajib bagi Allah SWT yang mesti diketahui dan difahami oleh setiap umat Islam sebagai kunci awal mengenal Allah SWT. Dalam hal ini al-Sanusi menegaskan: *Maka di antara (sifat) yang wajib bagi Allah 20 sifat*. Lihat al-Sanusi, Muhammad bin Yusuf bin 'Umar. 2001. *Umm al-Barahin*. Dlm. *Hashiyah al-Dusuqi* 'ala *Umm al-Barahin*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Hlm. 95-96.

[116] al-Dusuqi, Muhammad bin Ahmad bin 'Arafah. 2001. *Hashiyah al-Dusuqi* 'ala *Umm al-Barahin*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Hlm. 97.

tentang kewujudan Allah SWT. Contohnya sepertimana firman Allah SWT berikut:

وَمِنْ ءَايَٰتِهِ ٱلَّيْلُ وَٱلنَّهَارُ وَٱلشَّمْسُ وَٱلْقَمَرُ ۚ لَا تَسْجُدُوا۟ لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَٱسْجُدُوا۟ لِلَّهِ ٱلَّذِى خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ٣٧

Maksudnya: *"Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan, dan sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menciptakan-Nya, kalau betullah kamu hanya beribadat kepada Allah."*[117]

Selain hujah fitrah dan historikal, menurut (al-'Allamah) al-Buti,[118] jalan untuk mencapai hakikat keyakinan tentang kebenaran wujudnya Tuhan iaitu Allah SWT boleh diperolehi dengan dua jalan berikut:[119]

1. Memerhati dengan pancaindera terhadap perkara yang diciptakan oleh-Nya seperti alam semesta yang tidak dijadikan dengan sia-sia. Melalui analisis yang sempurna dengan kaedah berfikir (mantik) yang tepat, seseorang itu

---

[117] Surah al-Fusilat (41): Ayat 37.

[118] Lihat biodata dan asas pemikiran al-Buti dalam: Muhammad Rashidi bin Wahab. 2014. *Ketokohan al-'Allamah Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti: Sebuah Sorotan Berkaitan Biografi, Sumbangan, Pengiktirafan dan Beberapa Aspek Pemikirannya*. Kertas Kerja Seminar Pemikiran Syeikh Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti. Selangor: Akademi Intelektual Muda Sdn. Bhd. (AIMs).

[119] al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 2009. *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyat*. Damshiq: Dar al-Fikr. Hlm. 77-78. Kaedah ini turut digunakan oleh ramai ulama kontemporari yang lain seperti: al-Khin, Mustafa Sa'id & Muhyi al-Din Dib Mistu. 1996. *Al-'Aqidah al-Islamiyyah: Arkanuha Haqa'iquha Mufsidatuha*. Bayrut: Dar al-Kalim al-Tayyib. Hlm. 62-94.

akan merasa yakin terhadap bukti-bukti kewujudan Allah SWT. Seterusnya membuktikan pula kebenaran para rasul yang menjadi utusan Allah SWT dengan diwahyukan al-Quran kepadanya. Jalan ini dinamakan sebagai *al-Tadarruj Min al-A'la* (Menurun Dari Atas) sebagaimana huraian berikut:

a) Mustahil beratnya sesuatu tanpa benda yang memberatkan

   Batlan al-Rujhan Bidun Murajjah maksudnya sesuatu itu berjalan mengikut cara dan susunan tertentu, namun tiba-tiba ia berubah dari cara dan susunannya tanpa wujud sesuatu yang mengubah dan menukarkannya. Maka keadaan ini adalah termasuk dalam perkara yang amat nyata kemustahilannya ia akan berlaku. Oleh itu, jika berlaku perubahan dari keadaan asalnya, sudah tentu wujud sesuatu yang mengubahnya kepada kedudukan yang baru. Begitu juga dengan hakikat kewujudan Allah SWT. Segala perkara yang berlaku adalah tidak terkeluar daripada salah satu hukum akal iaitu wajib, mustahil dan harus (*mumkin*). Wajib ialah perkara yang mesti ada menurut akal, mustahil ialah perkara yang mesti tiada menurut akal dan *mumkin* ialah perkara yang mungkin ada atau tiada menurut akal.[120]

Menurut al-Buti, alam semesta yang dapat disaksikan ini adalah daripada perkara *mumkin*, iaitu akal dapat menerima bahawa tidak mustahil alam semesta ini boleh ditiadakan kerana mungkin wujud sesuatu sebab tertentu yang boleh meniadakannya sepertimana wujud sesuatu sebab tertentu

[120] al-Buti. 2009. *op.cit*. Hlm. 79-80.

yang mengadakannya. Maka segala yang berlaku terhadap alam semesta sudah pasti wujud suatu kesan dari luar yang memberatkan salah satu daripada dua *mumkin* sama ada ia layak menerima ada atau tiada. Dalam hal ini, akal akan menyatakan bahawa semestinya wujud suatu kekuatan dari luar yang memberikan kesan kepada alam semesta dan kekuatan ini dikaitkan dengan kekuatan Allah SWT selaku Tuhan Maha Pencipta. Natijah yang diperolehi daripada hakikat ini menunjukkan bahawa alam semesta bukan bersifat *qadim*, maka sudah tentu wujud suatu kekuasaan yang memberi kesan untuk menciptakan alam ini iaitu Allah SWT.[121]

b) Mustahil berlaku *tasalsul*

Mustahil berlaku *tasalsul* (rantaian) yang berterusan tanpa penghujungnya. Tidak mungkin segala kejadian adalah lahir daripada sebahagian yang lain tanpa ada kesudahan, dengan setiap satu daripada kejadian itu menjadi *ma'lul* (musabab) kepada sebelumnya dan menjadi *'illah* (sebab) kepada selepasnya tanpa pengakhiran. Bahkan tidak mungkin juga berlaku terhadap *'illah* terakhir yang tidak lagi menjadi *ma'lul* tetapi menjadi *'illah* yang memberi kesan kepada semua peringkat rantaian kelahiran tersebut. Keadaan ini mustahil diterima oleh hukum akal kerana rantaian itu bersambung pada kejadian yang bersifat *mumkin* dan sudah tentu ia tidak dapat membebaskan dirinya daripada kejadian sifatnya yang *mumkin* itu. Ini kerana, tabiat setiap perkara *mumkin* itu mempunyai dua sudut yang sama timbangannya iaitu; sudut wujud dan sudut

[121] *Ibid*. Hlm. 80-81.

> tidak wujud. Maka berat salah satu daripada dua sudut itu sudah pasti ada sesuatu yang memberatkannya, terdiri daripada suatu kekuatan yang mampu mencipta wujud atau tidak wujud.[122]

Selain itu, rantaian yang panjang dan berterusan sehingga tiada kesudahannya ini terdiri daripada beberapa *halaqah* (simpulan penyambungan) di mana setiap *halaqah* tidak akan wujud sekiranya *halaqah* sebelum itu tidak memberikan kehidupan atau kewujudan kepadanya. Maka untuk menyakini bahawa *halaqah* itu benar-benar wujud, mesti terdapat suatu kesan dari luar yang memberi kesan atau kehidupan kepada rantaian selepasnya. Menurut al-Buti, jika kita tidak bersetuju dengan kenyataan ini, seseorang itu mesti menilai dan memilih salah satu daripada dua keadaan tersebut:

(i) Semua rantaian ini sebenarnya tiada kerana tidak sabit wujudnya sesuatu yang memberi kehidupan dan kewujudan kepadanya.

(ii) Rantaian itu ada tetapi dasarnya bersumberkan kepada zat *Wajib al-Wujud* yang telah memberi kesan kepadanya dan tidak pula terkesan oleh sesuatu yang lain daripadanya.

Daripada kedua-dua keadaan ini, keadaan pertama ternyata mustahil kerana pancaindera dan pemerhatian tidak mengakui kebenarannya kerana alam semesta telahpun wujud kini. Ini kerana kelahiran sebab (*'illah*) adalah suatu hakikat yang dapat disaksikan, sedangkan perkara itu tidak pernah berlaku.

---

[122] *Ibid*. Hlm. 82.

Maka terbatal andaian *tasalsul* ini dan hakikatnya berada pada keadaan kedua bersumberkan kepada suatu zat *Wajib al-Wujud*.[123] Setelah diteliti, zat *Wajib al-Wujud* hanya layak untuk Allah SWT sahaja kerana Dia tidak terkesan dengan sebarang *'illah* dan *ma'lul*. Bahkan Allah SWT yang mencipta dan menentukan setiap *'illah* dan *ma'lul* yang berlaku ke atas makhluk.

c) Mustahil berlaku *dawr*

Mustahil *dawr* (berpusing-pusing) tanpa diketahui awal dan akhirnya, dengan ertikata kewujudan atau terbentuknya sesuatu dalam kerangka tertentu adalah bergantung kepada sesuatu yang lain. Tetapi kewujudan atau pembentukan yang kedua itu bergantung kepada kewujudan pertama. Maka mustahil pada hukum akal untuk membenarkan andaian melalui interaksi *dawr* ini, bahkan tidak seorang yang berakal pun akan berkata kedua-dua kewujudan itu saling bekerjasama untuk mewujudkan antara satu sama lain.[124] Oleh itu, sebagaimana mustahil *tasalsul*, menyatakan alam ini wujud dengan sendirinya tanpa *'illah* yang memberi kesan kepada kewujudannya adalah suatu yang mustahil juga. Menurut al-Buti, kenyataan ini ditolak sama sekali kerana ia melazimkan atau memastikan suatu andaian yang sangat jelas kemustahilannya seperti beratnya sesuatu tanpa benda yang memberatkannya.[125]

Maka menyatakan alam ini menjadi *'illah* kepada dirinya sendiri dan memberi kesan kepada kewujudannya merupakan

[123] *Ibid*.
[124] *Ibid*. Hlm. 86.
[125] *Ibid*. Hlm. 88.

perkara mustahil kerana pemerhatian terhadap andaian *dawr* sangat jelas tentang kemustahilannya. Kerosakan andaian ini membuktikan bahawa alam semesta mempunyai pencipta yang bersifat lain daripada yang lain. Pencipta yang menjadikan dan mengadakan alam ini tidak pula memerlukan pencipta lain untuk menciptanya. Maka pencipta ini diistilahkan sebagai zat *Wajib al-Wujud*. Dialah Allah SWT selaku Tuhan Maha Pencipta setiap sesuatu.[126]

d) Undang-undang sebab-musabab

Qanun al-'Illiyah atau *Qanun al-'Illah al-Gha'iyyah* ialah undang-undang yang menyatakan bahawa setiap *ma'lul* (musabab) pasti ada *'illah* (sebab).[127] Sebagai penjelasannya, al-Buti telah membawakan beberapa contoh. Andaikan kita pergi ke sebuah lapangan terbang yang terkenal. Apabila sampai di pintu masuknya, tiba-tiba pintu yang tertutup itu telah terbuka dengan sendirinya. Dalam keadaan kehairanan, kita terus melangkah masuk sambil memperhatikan setiap orang yang keluar masuk melalui pintu itu. Keadaan sama terus berlaku terhadap pintu itu sepertimana awalnya dengan setiap kali orang masuk dan keluar, setiap kali itu juga pintu itu akan terbuka dan tertutup dengan sendirinya.

Oleh kerana didorong perasaan ingin mengetahui tindakan pintu itu, kita cuba memastikan peralatan yang menyebabkan pintu itu terbuka dengan sendirinya. Setelah membuat penelitian dan pemeriksaan, didapati terdapat suatu alat di

---

[126] *Ibid*.

[127] *Ibid*. Hlm. 79.

bawah pintu itu yang terkesan dengan haba setiap manusia yang melaluinya sehingga menyebabkan pintu itu terbuka dan tertutup. Maka segera terlintas dalam fikiran kita bahawa alat inilah yang menjadi *'illah* (sebab) terhadap pergerakan pintu tersebut. Namun lebih jauh dari sudut pemikiran ini, kita akan merasa kagum dan yakin bahawa alat yang canggih ini sudah tentu diciptakan oleh seseorang yang sangat pakar dan berpengetahuan tinggi.[128]

Begitu juga dengan pemerhatian dan pengkajian kita terhadap binaan alam semesta yang sangat menakjubkan ini dengan segala macam bentuk susunan sama ada ia bersifat *kulli* atau *juz'i*. Malah kesemua susunan ini bergerak, berjalan atau beredar mengikut ketetapan masing-masing tanpa sebarang kecatatan atau pertembungan. Kemudian, perhatikan pula anggota badan kita seperti mata yang digunakan untuk melihat sesuatu atau paru-paru digunakan untuk bernafas. Kita dapati segala sistem dalam badan ini sangat sempurna ciptaannya sehingga membolehkan kita untuk hidup dengan gembira. Maka terlintas dalam fikiran, tentulah aturan yang selari atau bersesuaian dengan tabiat semulajadi manusia ini adalah bertujuan untuk menyediakan segala sebab dan syarat yang diperlukan untuk kehidupan di atas dunia.[129]

Justeru, didapati bahawa kesemuanya menggambarkan wujudnya bentuk susunan dan kesesuaian yang sangat halus dan rapi menunjukkan terdapat sesuatu yang menghulurkan rahmat dan keupayaan kepada manusia untuk menjalani urusan kehidupan mereka.[130] Kejadian dan aturan alam semesta yang

[128] *Ibid*. Hlm. 90.
[129] *Ibid*. Hlm. 91-92.
[130] *Ibid*. Hlm. 93.

mengagumkan ini membuktikan secara yakin dan pasti bahawa di sebaliknya sudah tentu terdapat pencipta dan pengaturnya. Pencipta inilah yang mengarahkan alam semesta berjalan menuju kepada sesuatu matlamat yang telah ditentukannya. Bukti *al-qiyas* akal ini menunjukkan bahawa wujudnya Tuhan Maha Pencipta, yang diistilah oleh ulama Ilmu Kalam sebagai *Dalil al-Hikmah wa al-Tanasaq* sebagaimana dinyatakan oleh al-Quran. Maka Maha Pencipta yang dimaksudkan itu adalah Allah SWT.[131]

Melalui bukti yang *badihi* lagi *qat'i* ini, ia akan mengelukan lidah golongan ateis walaupun mereka dengan sengaja cuba berdolak-dalih serta menutup akal mereka dengan pelbagai alasan. Mereka selalunya hanya mampu mengulang-ulang hujah kemungkinan dan kebetulan sahaja. Menurut (al-'Allamah) Mustafa Sabri, hujah kemungkinan dan kebetulan ini akan runtuh dengan sendiri kerana terdapat ketidakteraturannya dan ketidaktersusunannya terhadap sesuatu walaupun dibiarkan jutaan tahun. Maka ia tidak berguna sedikit pun bagi golongan ateis untuk mengandaikan atau mengkhayalkan kemungkinan tersusunnya satu bahagian dengan bahagian yang lain.[132] Justeru, hujah ateis ini akan runtuh dengan sendirinya.

2. Mengkaji kewujudan Allah SWT berdasarkan perkhabaran yang disampaikan kepada manusia melalui al-Quran dan hadis mutawatir serta hadis sahih. Kajian ini hendaklah dibuktikan melalui kaedah *al-Luzum al-Bayyin* dan *al-Qiyas al-Awla* dengan berpandukan *al-istiqra' al-tam*. Jalan

---

[131] *Ibid*.
[132] Mustafa Sabri. 1981. *Mawqif al-'Aql wa 'Ilm wa al-'Alm*. Bayrut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi. Jld. 2. Hlm. 348.

ini dinamakan sebagai *al-Tadarruj Min al-Adna* (Meninggi Dari Bawah). Antaranya firman Allah SWT berikut:

أَمْ خُلِقُوا۟ مِنْ غَيْرِ شَىْءٍ أَمْ هُمُ ٱلْخَـٰلِقُونَ ﴿٣٥﴾ أَمْ خَلَقُوا۟ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۚ بَل لَّا يُوقِنُونَ ﴿٣٦﴾

Maksudnya: *"(Mengapa mereka tidak beriman?) Adakah mereka telah tercipta dengan tiada yang menciptanya, atau adakah mereka yang mencipta diri mereka sendiri? Adakah mereka yang mencipta langit dan bumi itu? (Sudah tentu tidak!) Bahkan mereka adalah orang-orang yang tidak meyaqini (kebenaran apa yang mereka pernah mengakuinya)."*[133]

Rumusan daripada perbincangan ini difahami bahawa wujud itu terbahagi kepada dua bahagian iaitu wujud yang sempurna (wujud *Zati*) dan wujud yang tidak sempurna (wujud *tabi'i*). Adapun wujud Allah SWT adalah wujud *Zati* dengan ertikata Allah SWT adalah *mawjud* bagi zat-Nya sendiri bukan kerana terdapat *'illah* (sebab) lain yang memberi kesan kepada kewujudan-Nya. Maka sifat yang paling tepat bagi menggambarkan wujud *Zati* adalah tidak menerima tiada (*al-'adam*).[134] Manakala wujud *tabi'i* pula adalah wujud selain dari Allah SWT, iaitu wujud alam atau makhluk, yang mengambil zat daripada sesuatu wujud selain dirinya dan bergantung kepada yang mewujudkannya itu. Maka sifat khusus bagi wujud *tabi'i* ini berada di antara dua sudut atau keadaan iaitu sudut

---

[133] Surah al-Tur (52): ayat 35-36. Ayat ini memperkukuhkan lagi undang-undang sebab-musabab yang telah dibincangkan di atas.

[134] al-Bayjuri, Ibrahim bin Muhammad bin Ahmad. 2001. *Tuhfah al-Murid Sharh Jawharah al-Tawhid*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Hlm. 63.

terdahulu iaitu ketika wujud di dunia dan sudut terkemudian iaitu ketika wujud di akhirat.[135]

Selain itu, tanpa menafikan kelebihan akal yang dikurniakan oleh Allah SWT,[136] perlu dicatatkan juga bahawa akal manusia mempunyai keterbatasan tertentu yang hanya mampu menanggapi alam nyata pancaindera sahaja. Disebabkan itu, Islam melarang umatnya daripada berfikir secara berlebih-lebihan tentang hakikat zat Allah SWT.[137] Berkata (Imam) al-Shafi'i yang bermaksud: *"Sesungguhnya akal fikiran manusia adalah terbatas jangkauannya, sebagaimana terbatasnya pancaindera penglihatan mata terhadap sesuatu perkara."*[138] Malah keterbatasan akal turut diakui oleh Socrates dan beberapa tokoh Phytagores ketika mereka membincangkan tentang kesudahan roh selepas mati. Mereka berdukacita kerana wahyu tidak diturunkan pada masa itu untuk menjelaskan perihal perkara ghaib antaranya persoalan roh dan kematian.[139] Hakikat kelemahan akal yang dijelaskan ini bertentangan sama sekali dengan pendirian golongan ateis dan fahaman kebebasan yang menjadikan akal sebagai Tuhan mereka.

---

[135] al-Buti. 2009. *op.cit*. Hlm. 109; al-Dasuqi. 2001. *op.cit*. Hlm. 97.

[136] Perbahasan lebih terperinci tentang kelebihan dan kekurangan akal, terutamanya dalam pendalilan akidah, boleh dirujuk di sini: Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Faizul Azmi. 2013. *Kedudukan Akal dalam Pendalilan Akidah*. Jurnal Teknologi: Sosial Sciences. Skudai: Penerbit UTM. Hlm. 31-39.

[137] Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "*Fikirlah terhadap segala penciptaan Allah dan jangan berfikir tentang zat Allah*." Lihat al-Hindi, 'Ali al-Din Muttaqi bin Hisham al-Din. 1989. *Kanz al-'Ummal fi Sunan al-Aqwal wa al-Af'al*. No. Hadis: 5704. Bayrut: Muassasah al-Risalah. Jld. 3. Hlm. 106.

[138] Abi Hatim al-Razi, Abi Muhammad 'Abd al-Rahman. 2003. *Adab al-Shafi'i wa Manaqib*. Tahqiq: al-Kawthari, Muhammad Zahid. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jld. 4. Hlm. 207.

[139] 'Abd al-Halim Mahmud. T.th. *op.cit*. Hlm. 89.

Disebabkan itu, Teori Evolusi dan Teori *Big Bang* yang dijadikan sandaran oleh golongan ateis untuk menyatakan bahawa Tuhan tidak wujud kerana kosmologi kejadian alam terjadi dengan sendirinya adalah tertolak sama sekali. Begitu juga falsafah meteralisme yang menyangka bahawa terdapat suatu ‘benda’ yang menjadi ibu bapa kepada kewujudan turut dileburkan. Semua keyakinan ini bukan sahaja bercanggah dengan dalil al-Quran atau hadis,[140] malah ia turut ditolak oleh kaedah ilmiah dan rasional akal yang sihat. Akal tidak dapat menerima alasan bahawa kewujudan sesuatu kejadian tanpa ada yang menjadikannya. Benarlah kata-kata al-Buti bahawa ateisme tidak lebih daripada suatu pemikiran dan tindakan memusuhi akal yang sihat dalam mencari kebenaran.[141] Mereka sebenarnya hanyalah mengikut hawa nafsu semata-mata.

DIALOG ABU HANIFAH DENGAN ATEIS

Sorotan menunjukkan bahawa golongan ateis telah masuk menyerang Islam sejak sekian lama. Malangnya, karya ulama ASWJ silam khusus berkaitan ateis tidak ditemui ataupun mungkin hilang sehingga tidak sampai ke tangan generasi hari ini. Kebanyakan kisah mengenai penyelewengan golongan ateis dikutip secara berasingan daripada pelbagai kitab yang datang terkemudian. Sedangkan masalah ateis Muslim pada kurun ke-3 dan ke-4 Hijrah berada dalam keadaan yang

---

[140] Contohnya, firman Allah SWT yang bermaksud: *“Dan apakah orang-orang yang kafir tidak mengetahui bahawasanya langit dan bumi itu keduanya dahulu adalah suatu yang padu, kemudian Kami pisahkan antara keduanya. Dan dari air Kami jadikan segala sesuatu yang hidup. Maka mengapakah mereka tiada juga beriman?.”* (Surah al-Anbiya’ (21): ayat 30)

[141] al-Buti. 2009. *op.cit*. Hlm. 95.

merisaukan.[142] Dalam hal ini, dialog yang berlaku antara (Imam) Abu Hanifah (m. 150H/772M) dengan golongan ateis[143] merupakan salah satu kisah masyhur yang dirakamkan oleh ramai ulama Islam dengan lafaz cerita yang berbeza-beza.[144]

Ketika (Imam) al-Razi dan (Imam) Ibn Kathir membahaskan ayat 21 surah al-Baqarah, mereka menukilkan sebuah kisah dialog Abu Hanifah dengan golongan ateis secara ringkas, yang mana ia diriwayatkan daripada (Imam) Malik.[145] Kisah dialog Abu Hanifah sebegini turut dinukilkan dalam kitab jawi ulama Tanah Melayu.[146] Abu Hanifah menceritakan bahawa terdapat seorang ilmuwan besar yang berfahaman ateis dan kafir dari bangsa Rom yang sering mengadakan perdebatan

---

[142] Penulis tidak berhasrat untuk memanjangkan perbahasan berkaitan topik ini. Berikut antara buku yang membincangkan tentang sejarah ateis dalam Islam: ‘Abd al-Rahman Badawi. 1980. *Min Tarikh al-Ilhad fi al-Islam*. Bayrut: Muassasah al-‘Arabiyyah. Dalam pendahuluan buku ini, penulis menyenaraikan empat prinsip ateis Muslim bagi membezakan dengan ateis Barat, iaitu:

1. Kecenderungan penggunaan akal (rasionalisme) sebagai penguasa serta penentu pertama dan terakhir, di mana tidak ada yang berhak menolak serta membatalkan keputusannya terhadap segala sesuatu.
2. Berpegang dengan idea yang menyatakan bahwa manusia berkembang secara progresif dan berjalan terus menerus, termasuklah perkembangan dalam medan ilmu.
3. Kecenderungan manusia untuk mengarahkan kepada nilai-nilai kemanusiaan yang murni (humanisme) dalam kaitan hubungannya dengan nilai-nilai ketuhanan dan kenabian.
4. Tuntutan terhadap kebebasan (liberalisme) dengan segala harganya tanpa menghiraukan kesan yang mungkin ditimbul daripada tuntutan ini.

[143] Golongan ateis dalam kisah ini hanya dikenali sebagai golongan *dahri (dahriyyah)* atau golongan *zindiq (zanadiqah)*. Malah dalam tulisan yang lain, kebanyakkan kisah hanya menisbahkan kepada golongan ateis tanpa menamakan terus invididu ateis tersebut.

[144] Walaupun sebilangan sarjana mempertikaikan kesahihahan kisah dialog ini, namun ia diriwayatkan oleh ramai ulama yang beribawa dalam kitab-kitab mereka.

[145] al-Razi, Fakhr al-Din Muhammad bin ‘Umar. 1981. *Tafsir al-Fakhr al-Razi: Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghaib*. Bayrut: Dar al-Fikr. Jld. 2. Hlm. 108; Ibn Kathir, Abi al-Fida’ Isma’il bin ‘Umar bin Kathir. 1999. *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*. Tahqiq: al-Salamah, Sami bin Muhammad. Riyad: Dar Thaibah. Jld. 1. Hlm. 197.

[146] al-Fatani, Zain al-‘Abidin bin Muhammad. T.th. *‘Aqidah al-Najin fi ‘Ilm Usul al-Din*. Fatani: Matba’ah Bin Halabi. Hlm. 8. Dialog pertama yang dinyatakan dalam topik ini diambil daripada kitab tersebut.

dengan ulama Islam pada ketika itu. Ramai ulama telah dikalahkan olehnya kecuali seorang, iaitu (Imam) Hammad bin Abi Sulayman, guru kepada Abu Hanifah. Walau masih kecil, gurunya meyakini Abu Hanifah dapat menggantikan tempatnya untuk berdialog dengan ateis tersebut.

Pada hari yang ditetapkan, manusia berkumpul di masjid, maka orang ateis itu naik ke atas mimbar dan ingin mengadakan perdebatan dengan ulama Islam. Katanya: *"Siapakah yang akan menjawab soalan-soalanku?"* Abu Hanifah lantas bangun dan menjawab: *"Nyatakan soalan kamu. Orang yang mengetahuinya akan menjawab."* Ateis itu bertanya: *"Siapakah engkau ini wahai kanak-kanak? Engkau bercakap kepadaku sedangkan orang-orang yang mempunyai kemegahan dan orang-orang yang tua, berserban besar, berpakaian jubah labuh dan berlengan baju yang luas tidak berupaya menandingiku. Inikan pula engkau seorang yang masih kecil, mentah dan hina?."* Abu Hanifah menjawab: *"Allah SWT tidak memberikan ketinggian dan kebesaran kepada orang yang berserban besar, berpakaian penuh kemegahan dan berlengan baju yang luas, tetapi Dia memberikannya kepada para ulama."* Kemudian beliau membaca ayat 11 surah al-Mujadalah.

Ateis tersebut terus bertanya: *"Apakah Allah itu wujud?"* Abu Hanifah menjawab: *"Ya."* Ateis bertanya: *"Di mana?"* Abu Hanifah menjawab: *"Allah tidak bertempat."* Ateis bertanya: *"Bagaimana yang wujud itu tiada tempat?"* Abu Hanifah menjawab: "*Dalilnya ada pada diri kamu sendiri."* Ateis bertanya: *"Di mana?"* Abu Hanifah bertanya semula: *"Bukankah kamu ada nyawa?"* Ateis menjawab: *"Ya, memang."* Abu Hanifah bertanya: *"Di manakah tempat nyawa atau roh kamu itu? Di kepala kamukah? Atau di perut kamukah? Atau di kaki kamukah?"* Ateis tersebut tercengang dan tidak

tahu menjawab soalan tersebut. Kemudian Abu Hanifah terus bertanya: *"Bukankah air susu itu mempunyai minyaknya?"* Ateis menjawab: *"Ya."* Abu Hanifah bertanya: *"Di manakah tempat minyak itu di dalam susu? Di sebelah atas susu atau di sebelah bawahnya?"* Sekali lagi ateis tersebut tidak mampu menjawab soalan Abu Hanifah.

Abu Hanifah berkata: *"Sepertimana roh itu tiada tempat di tubuh badan dan minyak tidak bertempat di dalam susu, maka begitu jugalah Allah SWT tidak bertempat di alam buana ini."* Ateis bertanya lagi: *"Apa yang ada sebelum Allah dan apa pula selepas-Nya?"* Abu Hanifah menjawab: *"Tiada sesuatu sebelum Allah dan tiada sesuatu selepas-Nya."* Ateis berkata: *"Betapa dapat digambarkan sesuatu yang wujud itu tiada sesuatu mendahuluinya dan tiada sesuatu selepasnya?"* Abu Hanifah menjawab: *"Dalilnya ada pada anggota badanmu sendiri."* Ateis bertanya: *"Di mana?"* Abu Hanifah menjawab: *"Tiada sesuatu pun mendahului ibu jari tanganmu, dan tiada sesuatu pun yang ada selepas jari kelingkingmu. Begitu jugalah dengan Allah SWT. Tiada sesuatu sebelum-Nya dan tiada sesuatu selepas-Nya."*

Ateis itu berkata lagi: *"Tinggal satu soalan lagi yang mahu aku kemukakan kepadamu."* Abu Hanifah menjawab: *"Kemukakanlah, insya-Allah aku akan menjawabnya."* Ateis itu segera bertanya: *"Apakah yang dilakukan oleh Allah sekarang ini?"* Abu Hanifah menjawab: *"Cara engkau ini tidak kena. Sepatutnya orang yang menjawab mesti berada di atas mimbar dan orang yang bertanya berada di bawah. Aku akan jawab pertanyaanmu jika aku berada di atas mimbar dan engkau turun ke bawah."* Ateis itu pun turun dan Abu Hanifah pun naik ke atas mimbar tersebut. Setelah duduk, ateis itu mengemukakan semula soalan tadi dan lantas dijawab oleh Abu

Hanifah: *"Inilah yang Allah SWT sedang lakukan sekarang. Dia menggugurkan yang batil seperti kamu daripada atas ke bawah, dan Dia menaikkan yang benar sepertiku daripada bawah ke atas."* Ateis itu tidak mampu menjawab dan tewas.

Sebuah lagi kisah, dilaporkan bahawa Abu Hanifah telah dijemput oleh golongan ateis untuk berdialog tentang Tuhan. Pada hari dan masa yang ditentukan, kelibat Abu Hanifah tidak kelihatan dan mereka hampir putus asa menantinya. Tiba-tiba Abu Hanifah muncul dan meminta maaf di atas kelewatannya dan menjelaskan sebab beliau terlambat. Abu Hanifah berkata: *"Sejak pagi tadi aku berada di tepi sungai. Menunggu kedatangan tukang perahu yang akan menyeberangiku. Namun setelah lama aku menunggu, dia tidak datang juga. Ketika itu aku melihat sejumlah papan terapung-apung di atas air. Lama-kelamaan papan-papan itu saling menyatu dan membentuk sebuah sampan. Aku pun segera menaiki dan mendayungnya menuju ke tempat kalian ini."*

Mendengar cerita Abu Hanifah tersebut, para ateis berkata: *"Kamu mengarut, wahai Abu Hanifah. Bagaimana mungkin papan-papan itu membentuk sampan dengan sendirinya?"* Abu Hanifah menjawab: *"Jika kalian tidak percaya papan-papan itu dapat membentuk sampan dengan sendirinya, lalu bagaimana mungkin aku percaya bahawa alam semesta yang begitu teratur dan indah ini tercipta dengan sendirinya, tanpa adanya Pencipta Yang Maha Agung?"* Mendengar jawapan itu, para ateis terdiam dan tidak mampu berkata-kata lagi. Hujah mereka telah dipatahkan oleh Abu Hanifah dalam sekelip mata. Akhirnya, golongan ateis ini bertaubat di tangan Abu Hanifah.[147]

---

[147] al-Maydani, ‘Abd al-Rahman Hasan Habannakah. 1979. *Al-‘Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuha*. Damshiq: Dar al-Qalam. Hlm. 142.

Selain itu, Allah SWT turut merakamkan beberapa kisah umat terdahulu, antaranya kisah Nabi Ibrahim AS dengan kaumnya yang kafir. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Apakah kamu tidak memperhatikan orang yang mendebat Ibrahim tentang Tuhannya (Allah) kerana Allah telah memberikan kepada orang itu pemerintahan (kekuasaan). Ketika Ibrahim mengatakan: Tuhanku ialah yang menghidupkan dan mematikan, orang itu berkata: Saya dapat menghidupkan dan mematikan. Ibrahim berkata: Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur, maka terbitkanlah dia dari barat, lalu terdiamlah orang kafir itu; dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim."*[148] Ayat ini membuktikan bahawa tiada manusia yang dapat menafikan kewujudan Allah SWT sebagai Tuhan Maha Pencipta.

KEWUJUDAN TUHAN MENURUT SARJANA BARAT

Sebahagian besar sarjana zaman moden di Barat turut mengakui kewujudan Tuhan, namun tulisan ini hanya mengambil beberapa contoh sahaja. Dalam sebuah buku bertajuk *The Evidence of God in an Expanding Universe* suntingan John Clover Monsma, dikumpulkan 30 artikel daripada ilmuan atau sarjana Barat di Amerika dalam pelbagai bidang, bagi menjelaskan bahawa Tuhan adalah wujud.[149] Setiap mereka mengemukakan hujah dan bukti berdasarkan bidang kepakaran masing-masing. Artikel pertama bertajuk *The Origin of The World: By*

---

[148] Surah al-Baqarah (2): ayat 258.

[149] John Clover Monsma (ed.). 1958. *The Evidence of God in an Expanding Universe: Forty American Scientists Declare Their Affirmative Views on Religion*. New York: G. P. Putnam's Sons. Buku ini turut diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Lihat Nakhabat Min al-'Ulama' al-Amarikiyyin. T.th. *Allah Yatajalla fi 'Asr al-'Ilm*. Bayrut: Dar al-Qalam.

Chance or Design tulisan Frank Allen menyimpulkan empat kemungkinan dalam menafsirkan keyakinan bahawa alam semesta ini ada, iaitu:

a) Menganggap alam ini adalah khayalan atau angan-angan belaka, dan pandangan ini berlawanan dengan kenyataan dan keyakinan kita bahawa alam ini wujud adanya.

b) Menganggap alam ini muncul begitu sahaja, dan pandangan ini tertolak secara aksiom, iaitu ia merupakan perkara yang diterima umum tanpa perlu diperdebatkan lagi.

c) Menganggap alam ini kekal serta tidak memiliki permulaan, dan pandangan ini tertolak kerana menyamai keyakinan orang beriman bahawa keazalian hanya untuk Tuhan.

d) Menganggap alam ini memiliki Pencipta, iaitu Tuhan, yang membuat dan mengatur dengan sangat rapi. Kemungkinan ini sahaja yang rasional dapat diterima akal.[150]

Dalam artikel Robert Morris Page bertajuk *A Conclusive Test*, beliau menyatakan bahawa para rasul yang mendakwa mereka diutuskan oleh Tuhan telah menyampaikan dua perkara penting iaitu; pertama, tentang alam ini adanya Pencipta yang wajib diimani, dan kedua, tentang perkara-perkara ghaib yang akan berlaku kelak. Perkara kedua benar-benar berlaku dan sebahagiannya boleh dilihat sehingga kini. Hal

[150] Frank Allen. 1958. *The Origin of The World: By Chance or Design*. Dlm. The Evidence of God in an Expanding Universe. New York: G. P. Putnam's Sons. Hlm. 19-24.

ini membuktikan kebenaran risalah yang dibawa oleh mereka sehingga mewajibkan manusia percaya kepada para rasul, termasuklah berita mengenai Tuhan. Akal manusia tidak dapat menolak atau membantah kebenaran yang dibawa oleh para rasul. Malah keimanan akan kewujudan Tuhan merupakan perkara terpenting yang tumbuh dalam perasaan dan sanubari fitrah manusia.[151]

Dalam artikel Merritt Stanley Congdon bertajuk *The Lesson of The Rosebush*, beliau menyatakan bahawa banyak perkara yang diyakini oleh manusia hanya bersandarkan kepada logik akal semata-mata. Antaranya manusia mempercayai kewujudan atom, walaupun mereka sendiri tidak pernah melihat atom secara langsung. Demikian juga halnya dengan kewujudan Tuhan, yang mana manusia boleh mengenal Tuhan melalui logik. Dengan kemampuan akal yang sihat, manusia dapat memikirkan tentang adanya satu kekuatan luar biasa yang telah mengatur dan menguasai alam semesta ini. Segala yang ada di alam ini sebagai bukti jelas kewujudan Tuhan yang Maha Agung lagi Maha Menguasai. Malah penelitian ilmiah semuanya kembali kepada tanda-tanda kewujudan Tuhan.[152]

Dalam artikel John Cleveland Cothran bertajuk *The Inescapable Conclusion*, beliau menyatakan bahawa hasil yang dicapai melalui pembuktian ilmiah dalam setiap bidang ilmu pengetahuan bukan sekadar suatu kebetulan. Contohnya dalam ilmu kimia, dibuktikan bahawa gerakan setiap benda dalam alam ini tidak mungkin terjadi secara kebetulan. Semua

---

[151] Robert Morris Page. 1958. *A Conclusive Test*. Dlm. The Evidence of God in an Expanding Universe. New York: G. P. Putnam’s Sons. Hlm. 25-30.

[152] Merritt Stanley Congdon. 1958. *The Lesson of The Rosebush*. Dlm. The Evidence of God in an Expanding Universe. New York: G. P. Putnam’s Sons. Hlm. 31-36.

benda tidak kekal kerana sesuatu benda itu ada permualaan dan pengakhirannya. Dengan landasan ini, alam semesta adalah makhluk yang terpaksa tunduk kepada suatu aturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh Pencipta. Bahkan beliau memetik kata-kata Lord Kelvin: *Jika kamu memikirkan secara mendalam, kamu akan dipaksa oleh ilmu sains untuk percaya kewujudan Tuhan*.[153]

Dalam artikel Walter Oscar Lundberg bertajuk *Applying The Scientific Method*, beliau menyatakan bahawa mereka yang tidak menerima hasil penelitian ilmiah tentang kewujudan Tuhan mempunyai dua sebab; pertama, terpengaruh dengan propaganda ateisme yang berlandaskan kepentingan tertentu khususnya politik, kedua, berpegang dengan kepercayaan itu sejak kecil lagi sehingga gagal melihat kebenaran ketika mereka dewasa. Maka ilmuan yang mendalami ilmu pengetahuan kerana mengharapkan redha Tuhan, akan merasai kenikmatan tersendiri yang sangat besar. Setiap penemuan daripada tanda-tanda di alam ini akan mengukuhkan lagi kepercayaan mereka kepada Tuhan. Keimanan kepada Tuhan adalah sumber segala kebahagian manusia.[154]

Dalam artikel Paul Clarence Aebersold bertajuk *Physical Evidences of God*, beliau menyatakan bahawa seluruh manusia bersepakat tentang wujudnya Tuhan. Manusia merasakan, sama ada melalui logik mahupun rohani, terdapat suatu kekuatan yang sangat dahsyat yang mengatur alam semesta ini dengan sangat rapi. Kekuatan ini adalah Tuhan yang Maha Agung

---

[153] John Cleveland Cothran. 1958. *The Inescapable Conclusion*. Dlm. The Evidence of God in an Expanding Universe. New York: G. P. Putnam's Sons. Hlm 37-42.
[154] Walter Oscar Lundberg. 1958. *Applying The Scientific Method*. Dlm. The Evidence of God in an Expanding Universe. New York: G. P. Putnam's Sons. Hlm. 55-58.

dan Maha Besar. Walaupun manusia tidak mampu mengenal hakikat Tuhan, namun banyak bukti dan tanda pada alam ini yang menunjukkan bahawa Tuhan itu wujud. Bahkan beliau memetik kata-kata Francis Bacon: *Sangat sedikit falsafah yang mendekatkan manusia kepada ateisme, umumnya mendalami falsafah akan membawa kepada agama*.[155]

Dalam artikel George Herbert Blount bertajuk *The Reasonableness of Theism*, beliau menyatakan bahawa beliau sangat beriman kepada Tuhan, bahkan lebih daripada itu menyerahkan segala perkara kepada-Nya. Pemikiran tentang ketuhanan bukan sekadar perihal falsafah, sebaliknya ia mengenai keimanan kepada Tuhan yang merupakan tujuan utama kehidupan manusia. Jika diperhatikan logik golongan ateis, didapati logik mereka benar-benar salah. Mereka juga meningkari aturan yang ada dalam alam semesta ini yang dianggap sebagai suatu khayalan. Namun sehingga kini mereka tidak dapat mengemukakan satu dalil konkrit pun yang membuktikan Tuhan tidak wujud.[156]

Dalam artikel Andrew Conway Ivy bertajuk *The Absoluteness of The Certainty of God's Existence*, beliau menyatakan bahawa tiada seorang pun yang mampu menyalahkan aturan sebab-musabab. Tanpa sistem aturan ini maka tiada benda akan hidup dan akal manusia tidak dapat bekerja. Bahkan beliau secara tegas mengisytiharkan keimanannya di sebalik undang-undang sebab-musabab ini terdapat suatu kewujudan yang hakiki, iaitu Tuhan selaku Maha Pencipta. Mereka yang tidak percaya kepada Tuhan

[155] Paul Clarence Aebersold. 1958. *Physical Evidences of God*. Dlm. The Evidence of God in an Expanding Universe. New York: G. P. Putnam's Sons. Hlm. 59-62.
[156] George Herbert Blount. 1958. *The Reasonableness of Theism*. Dlm. The Evidence of God in an Expanding Universe. New York: G. P. Putnam's Sons. Hlm. 125-131.

disebabkan oleh terdapat tompokan hitam dalam akal mereka yang menghalang mereka daripada melihat gambaran yang sebenar. Hidup atau mati seseorang itu tidak akan bermakna jika mereka tidak percaya kewujudan Tuhan.[157]

Selain itu, Abraham Cressy Morrison[158] menulis sebuah buku bertajuk *Seven Reasons Why a Scientist Believes in God* bertujuan untuk mengumpulkan pelbagai fakta dan seterusnya merumuskan tujuh sebab atau alasan mengapa manusia mesti percaya kepada kewujudan Tuhan.[159] Tujuh sebab tersebut diringkaskan sebagaimana berikut:

1. Keunikan dunia. Berdasarkan hukum matematik contohnya, kita dapat membuktikan bahawa alam semesta ini di rekacipta dan digerakkan oleh suatu Kebijaksanaan yang luar biasa. Bumi perputar pada paksinya dengan kelajuan 1000 batu sejam. Jika kelajuan ini berubah kepada 100 batu sejam, maka siang dan malam akan menjadi 10 kali lebih lama daripada keadaan biasa. Sementara itu, matahari akan menjadi lebih panas dan merosakkan tanaman di bumi kerana siang harinya yang panjang. Sedangkan tanaman yang baru tumbuh akan menjadi beku pada malam hari. Andaikan pula matahari yang mempunyai suhu 12000

---

[157] Andrew Conway Ivy. 1958. *The Absoluteness of The Certainty of God's Existence*. Dlm. The Evidence of God in an Expanding Universe. New York: G. P. Putnam's Sons. Hlm. 224-247.

[158] Abraham Cressy Morrison juga pernah menulis sebuah buku bertajuk *Man Does Not Stand Alone* bagi menjawab buku golongan ateis yang bertajuk *Man Stands Alone* tulisan Julian Sorell Huxley. Lihat A. Cressy Morrison. 1944. *Man Does Not Stand Alone*. New York: Fleming H. Revell Company; Julian S. Huxley.1941. *Man Stands Alone*. USA: Harper & Brothers.

[159] A. Cressy Morrison. 1964. *Seven Reasons Why a Scientist Believes in God*. New Jersey: Fleming H. Revell Company.

darjah fahrenheit hanya memberikan separuh daripada radiasi yang biasa, manusia pun akan menjadi beku. Sebaliknya, apabila radiasi diberikan separuh lebih banyak daripada yang biasa, manusia akan hangus.

Kecondongan bumi berada pada kelandaian 23 darjah. Dapatkah kita bayangkan apa yang akan terjadi apabila ia berada pada kecondongan yang tidak mencukupi? Jika ini benar-benar berlaku, maka lautan akan bergerak ke Utara dan Selatan sehingga tertimbun dalam bentuk benua-benua salji. Begitu juga jika bulan tidak berada pada jarak sekarang iaitu 50000 batu. Akibatnya, gelombang laut akan menjadi terlalu besar dan semua benua di permukaan bumi akan ditenggelami air. Malah gunung-ganang turut terhakis. Beberapa contoh yang dinyatakan ini menunjukkan bahawa tiada satu kemungkinan pun dalam kehidupan kita di bumi ini terjadi semata-mata hanya suatu kebetulan.[160]

2. Kesempurnaan kehidupan. Kehidupan sememangnya tidak mempunyai berat atau dimensi, namun ia jelas memiliki kekuatan. Kehidupan turut menakluki tiga unsur alam iaitu air, daratan dan udara. Sesuatu kehidupan berperanan sebagai pereka dan pelaksana yang memberikan bentuk tertentu kepada kehidupan yang lain pula. Sebagai pemuzik misalnya, kehidupan burang-burung dengan siulan dan lagu yang merdu merupakan interaksi yang saling melengkapi dan memerlukan antara satu sama lain. Malah kehidupan yang kecil seperti titisan protoplasma mempunyai benih dan kekuatan untuk memberikan kehidupan yang baru.

[160] *Ibid*. Hlm. 11-19.

Jelasnya, semua kehidupan dalam alam semesta ini kelihatan sempurna penciptaan dan aturannya.[161]

3. Kebijaksaan haiwan. Naluri yang dilengkapkan kepada haiwan membuktikan kesempurnaan Tuhan. Tanpa naluri ini, haiwan hanyalah makhluk kecil yang tidak berdaya menjalani kehidupan. Serangga yang disebut penyengat antara haiwan yang mempunyai keanehan. Penyengat boleh menyengat magsanya seperti belalang sehingga pengsan untuk dijadikan makanan awetan. Bagi penyengat, memakan mangsa yang sudah mati boleh membahayakan hidupnya. Penyengat itu kemudian bertelur dan mati tanpa sempat melihat anak-anaknya, namun makanan untuk anak-anaknya telah disediakan. Sistem dan proses kehidupan haiwan yang luar biasa ini tidak terjadi dengan sendirinya melainkan adalah suatu anugerah daripada Pencipta.[162]

4. Fikiran manusia. Manusia ternyata memiliki sesuatu yang mengatasi naluri haiwan, iaitu kekuatan akal fikiran. Tidak terdapat satu haiwan pun yang pernah tercatat memiliki kemampuan berfikir seperti boleh mengira serta memahami satu sehingga sepuluh. Jikalau naluri haiwan dapat diumpamakan sebagai satu bunyi tunggal dari seruling, indah tetapi terbatas, namun otak manusia pula memiliki semua bunyi daripada semua jenis instrumen yang ada dalam sebuah orkestra. Hakikatnya, fakta keempat ini tidak perlu diperjelaskan lagi kerana setiap manusia mengetahui akan kelebihan akal yang dianugerahkan oleh Tuhan kepada mereka. Sepatutnya

---

[161] *Ibid*. Hlm. 20-28.
[162] *Ibid*. Hlm. 29-35.

manusia bersyukur di atas nikmat kemampuan akal sehingga kita berada pada keadaan sekarang ini.[163]

5. Keajaiban genetik. Keperluan bagi setiap kehidupan terserlah di dalam fenomena alam yang dikaji dan diperhatikan sehingga kini, tetapi malangnya ia tidak dapat dilihat dengan jelas oleh Darwin. Keajaiban kejadian manusia bermula daripada sekecil-kecil baka (genetik) dan tempat, dengan melalui proses yang sangat kompleks, kemudian baka itu membiak menjadi manusia dengan sempurna. Lebih mengagumkan bahawa di tempat yang sangat kecil ini, iaitu bumi, terdapat semua jenis karakter individu daripada manusia yang berbeza-beza. Sungguh perkara ini adalah suatu keajaiban yang nyata kepada manusia berakal bagi membuktikan kehebatan ciptaan Tuhan. Inilah evolusi sebenar kejadian manusia.[164]

6. Keseimbangan alam semulajadi. Melihat ekonomi kini, kita boleh mengerti bahawa hanya suatu kebijaksanaan yang luar biasa sahaja dapat meramalkan dan mempersiapkan alam kehidupan dengan teliti. Beberapa waktu yang lampau, terdapat sejenis kaktus yang ditanam oleh orang di Australia untuk dijadikan pagar pelindung. Kaktus itu tumbuh dengan pesat sehingga merosakkan tempat tinggal dan tanaman mereka. Setelah dikaji, terdapat sejenis serangga yang hidupnya hanya bergantung kepada kaktus itu sahaja sebagai makanan. Dalam masa yang singkat, pertumbuhan kaktus dapat dikawal, namun peliknya serangga tadi

---

[163] *Ibid*. Hlm. 36-40.
[164] *Ibid*. Hlm. 41-49.

tidak berkembang biak secara pesat seiring dengan kekurangan kaktus. Kawalan serta perimbangan yang demikian itu ternyata dipersiapkan secara semulajadi.[165]

7. Idea Tuhan. Kenyataan bahawa manusia tidak dapat melepaskan dirinya daripada pemikiran mengenai ketuhanan adalah suatu bukti yang sangat tepat dan luar biasa. Keyakinan tentang Tuhan tersebut timbul hasil daripada pemikiran manusia tentang konsep ketuhanan dan penciptaan. Dengan kekuatan pemikiran, hanya manusia sahaja dapat membuktikan adanya sesuatu kuasa yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Secara fitrahnya, tidak diragui lagi sesungguhnya manusia tidak dapat membebaskan diri daripada mempercayai kewujudan Tuhan. Malah melalui penelitian ilmiah, keyakinan manusia tentang Tuhan selaku Pencipta akan terus diperkukuhkan.[166]

Berdasarkan pengakuan para sarjana Barat ini, walaupun sebahagian mereka bukan beragama Islam, tetapi kepercayaan mereka terhadap kewujudan Tuhan masih menjadi pegangan kukuh dalam diri mereka. Kajian ilmiah yang dijalankan jelas membuktikan tentang kebenaran Tuhan sebagai Maha Pencipta bagi alam semesta. Hal ini menunjukkan bahawa keimanan kepada Tuhan merupakan pegangan yang diterima oleh setiap manusia yang berakal tanpa mengira agama, bangsa dan kedudukan. Maka pemikiran menolak kewujudan Tuhan, sebagaimana pegangan golongan ateis, bukanlah suatu yang bersifat ilmiah, bahkan ia menyalahi fitrah semulajadi kejadian manusia yang berhajat kepada Tuhan.

---

[165] *Ibid*. Hlm. 50-54.
[166] *Ibid*. Hlm. 55-61.

KESIMPULAN

Setiap agama dan negara di dunia sedang berhadapan dengan ancaman atiesme yang menyeru kepada pemikiran menolak Tuhan. Ateis percaya bahawa Tuhan tidak wujud dan kewujudan Tuhan adalah palsu. Secara tidak langsung ateisme turut menolak agama, atau tidak beragama, kerana dasar setiap agama adalah mempercayai kewujudan Tuhan. Pemikiran songsang ini merupakan antara sejarah terburuk dalam kehidupan bertamadun manusia. Bagi seorang Muslim, menganut fahaman ateis dianggap sebagai kufur atau murtad kerana menolak Allah SWT sebagai Tuhan, malah ia merupakan suatu bentuk penjajahan baru.[167] Namun malangnya dunia Barat hari ini melihat ateisme sebagai sebuah kepercayaan yang perlu diiktiraf oleh semua orang kononnya ia adalah hak asasi setiap manusia.

Disebabkan itu, Malaysia antara negara yang telah dilabelkan sebagai tidak mesra ateis sejak tahun 2012 lagi, apabila mewajibkan warganya mendaftarkan status agama mereka secara rasmi.[168] Perkara ini didedahkan dalam satu laporan yang dikeluarkan oleh *International Humanist and Ethical Union* (IHEU) yang menyatakan bahawa golongan ateis atau *freethinkers*[169] menghubungi mereka untuk memberitahu

---

[167] Wan Mohd Nor Wan Daud. 30 Julai 2016. *Ateis, murtad suatu bentuk penjajahan*. Dlm. https://www.bharian.com.my/node/178294; Wan Mohd Nor Wan Daud. 13 Ogos 2016. *Kolonialisme baharu, ateis ancam ummah*. Dlm. https://www.bharian.com.my/node/182659

[168] Reuters. 10 Disember 2012. *Atheists around world suffer persecution, discrimination: report*. Dlm. http://www.reuters.com/article/us-religion-atheists/atheists-around-world-suffer-persecution-discrimination-report-idUSBRE8B900520121210

[169] Istilah *freethinker* pertama kali digunakan oleh William Molyneaux (m. 1698M) pada tahun 1679 dalam surat beliau kepada John Locke sebagai merujuk kepada perihal John Toland. Lihat J. G. Simms. 1982. *William Molyneux of Dublin: 1656-1698*. Ireland: Irish Academic Press. Hlm. 87.

bahawa mereka tidak boleh bergerak bebas dalam negara yang meletakkan agama sebagai dasar negara.[170] Justeru, apabila pendedahan mengenai aktiviti golongan ateis di Malaysia didedahkan oleh media dan mendapat kritikan daripada pelbagai pihak, mereka berani mengugut pihak kerajaan dan pihak berkuasa agama agar tidak mengambil tindakan terhadap ahli-ahli mereka.[171]

Dalam hal ini, selain fatwa dan undang-undang, pengukuhan ilmu keagamaan melalui pendidikan dan penyelidikan merupakan elemen terpenting dalam menangani ancaman ateisme di Malaysia secara berkesan. Pengajian akidah ASWJ yang berteraskan wacana Sifat 20 dengan huraian terkini berlandaskan Ilmu Kalam mesti diketengahkan dengan lebih meluas kepada seluruh umat Islam, kerana ia mampu untuk menangkis pemikiran menolak kewujudan Tuhan. Perbahasan sifat Wujud sebagai sifat yang wajib bagi Allah SWT perlu diberikan penekanan dengan menggunakan kekuatan dalil *naqli* dan dalil *'aqli* secara menyeluruh serta disokong bukti empirikal. Usaha ini sewajarnya digalas oleh seluruh institusi agama Islam dan intitusi pendidikan di Malaysia.

Pada masa yang sama, aktiviti dakwah terutamanya kepada golongan remaja yang kurang pendidikan agama perlu dipergiatkan lagi dengan pelbagai kaedah, memandangkan mereka adalah sasaran yang terdedah dengan bahaya ateisme.

---

[170] International Humanist and Ethical Union. 2012. *Freedom of Thought 2012: A Global Report on Discrimination Against Humanists, Atheists and the Nonreligious*. Hlm. 12. Dlm. http://iheu.org/wp-content/uploads/IHEU%20Freedom%20of%20Thought%20 2012.pdf

[171] Menara.my. 9 Ogos 2017. *Atheist Republic Ugut Kerajaan Malaysia*. Dlm. https:// www.menara.my/atheist-republic-ugut-kerajaan-malaysia/[165] *Ibid*. Hlm. 50-54.

Golongan remaja sebegini perlu didekati secara bersahaja dan santai agar kefahaman tentang Islam dapat disampaikan juga kepada mereka. Selain itu, pihak berautoriti disarankan memanfaatkan penggunaan media *online* semaksimum yang mungkin dalam menyebarkan dakwah Islam. Ini kerana, majoriti manusia pada zaman globalisasi kini menggunakan media *online* untuk mencari maklumat dan informasi. Maka menjadi kewajipan bagi umat Islam berjihad menguasai media online. Dalam ertikata lain, semua pihak mesti bersatu bagi menghadapi ancaman ateisme di Malaysia.

Alhamdulillah, selesai ditulis pada:
Jumaat, 1 Muharram 1439H / 22 September 2017M

RUJUKAN

‘Abd al-Halim Mahmud. T.th. *Al-Islam wa al-‘Aql*. Qahirah: Dar al-Ma’arif.

‘Abd al-Rahman Badawi. 1980. *Min Tarikh al-Ilhad fi al-Islam*. Bayrut: Muassasah al-‘Arabiyyah.

A. B. Drachmann. 1922. *Atheism in Pagan Antiquity*. London: Gyldendal.

A. Cressy Morrison. 1944. *Man Does Not Stand Alone*. New York: Fleming H. Revell Company.

A. Cressy Morrison. 1964. *Seven Reasons Why a Scientist Believes in God*. New Jersey: Fleming H. Revell Company.

Abdul Rahman Abdullah. 1998. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abi Hatim al-Razi, Abi Muhammad ‘Abd al-Rahman. 2003. *Adab al-Shafi’i wa Manaqib*. Tahqiq: al-Kawthari, Muhammad Zahid. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Achdiat K. Mihardja. 1973. *Atheis*. Terj.: R.J. Maguire. Australia: University of Queensland Press.

Achdiat K. Mihardja. 1984. *Atheis*. Johor: Penerbit Penamas Sdn. Bhd.

Ahmad Boestamam. 1972. *Dr. Burhanuddin: Putera Setia Melayu Raya*. Kuala Lumpur: Pustaka Kejora.

Ahmed Abdulrahman. 2017. *The Rise of Arab Atheism*. T.t.p: Independently Published.

Aku Seorang Bekas Islam. *Kenapa saya tinggalkan Islam*. Dlm. http://abu-yusufmalizi.blogspot.my/p/kenapa-aku-tinggal-islam.html

al-‘Aqqad, ‘Abbas Mahmud. 1949. *Allah: Kitab fi Nasha’ah al-‘Aqidah al-Ilahiyyah*. Bayrut: Maktabah al-‘Asriyyah.

al-Amoudi, Muhammad Omar. *Why are there so many atheists in the Arab world?*. Dlm. http://saudigazette.com.sa/article/153393/Why-are-there-so-many-atheists-in-the-Arab-world

al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2014. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: IBFIM.

al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2015. *On Justice and the Nature of Man: A Commentary on Surah al-Nisa’(4): 58 and Surah al-Mu’minun (23): 12-14*. Kuala Lumpur: IBFIM.

al-Bahi, Muhammad. 1428H. *Al-‘Ilmaniyyah wa al-Islam Bayna al-Fikr wa al-Tatbiq*. Qahirah: Jami’ah al-Azhar.

al-Bahi, Muhammad. 1964. *Al-Islam fi Ma’rakah al-Taghrib*. Qahirah: Al-Majlis al-A’la li Shu’un al-Islamiyyah.

al-Bayjuri, Ibrahim bin Muhammad bin Ahmad. 2001. *Tuhfah al-Murid Sharh Jawharah al-Tawhid*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

al-Buti, Muhammad Sa’id Ramadan. 2009. *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyat*. Damshiq: Dar al-Fikr.

al-Dusuqi, Muhammad bin Ahmad bin ‘Arafah. 2001. *Hashiyah al-Dusuqi* ‘ala *Umm al-Barahin*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

al-Fatani, Zain al-‘Abidin bin Muhammad. T.th. *‘Aqidah al-Najin fi ‘Ilm Usul al-Din*. Fatani: Matba’ah Bin Halabi.

al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad. 1961. *Tahafut al-Falasifah*. Tahqiq: Sulayman al-Dunya. Misr: Dar al-Ma’arif.

al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad. 2003. *Al-Munqidh Min al-Dalal*. Tahqiq: Jamil Saliba & Kamil I’yad. Bayrut: Dar al-Andalus.

al-Hafani, ‘Abd al-Mun’im. 1999. *Mausu’ah al-Falsafah wa al-Falasifah*. Qahirah: Maktabah al-Madbuli.

al-Hindi, ‘Ali al-Din Muttaqi bin Hisham al-Din. 1989. *Kanz al-‘Ummal fi Sunan al-Aqwal wa al-Af’al*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.

Ali A. Rizvi. 2016. *The Atheist Muslim: A Journey from Religion to Reason*. New York: St. Martin’s Press.

al-Kawthari, Muhammad Zahid al-Hasan. 2006. *Al-Lamadhhabiyyah Qantarah al-Ladiniyyah*. Qahirah: Al-Maktabah al-Azhariyyah Lilturath.

al-Khin, Mustafa Sa’id & Muhyi al-Din Dib Mistu. 1996. *Al-‘Aqidah al-Islamiyyah: Arkanuha Haqa’iquha Mufsidatuha*. Bayrut: Dar al-Kalim al-Tayyib.

al-Maydani, ‘Abd al-Rahman Hasan Habannakah. 1979. *Al-‘Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuha*. Damshiq: Dar al-Qalam.

al-Qardawi, Yusuf. 1977. *Al-Khaqais al-‘Ammah li al-Islam*. Qahirah: Maktabah Wahbah.

al-Qardawi, Yusuf. 1979. *Wujud Allah*. Qahirah: Maktabah Wahbah.

al-Razi, Fakhr al-Din Muhammad bin ‘Umar. 1981. *Tafsir al-Fakhr al-Razi: Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghaib*. Bayrut: Dar al-Fikr.

al-Salabi, Ahmad. 1977. *Muqaranah al-Adyan al-Masihiyyah*. Qahirah: Maktabah al-Nahdah.

al-Sanusi, Muhammad bin Yusuf bin ‘Umar. 2001. *Umm al-Barahin*. Dlm. Hashiyah al-Dusuqi ‘ala Umm al-Barahin. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

al-Sharastani, Abi al-Fath Muhammad ‘Abd al-Karim bin Abi Bakar. 1993. *Al-Milal wa Nihal*. Tahqiq: Amir ‘Ali Mahna & ‘Ali Hasan Fa’ur. Bayrut: Dar al-Ma’rifah.

Andrew Conway Ivy. 1958. *The Absoluteness of The Certainty of God's Existence*. Dlm. The Evidence of God in an Expanding Universe. New York: G. P. Putnam’s Sons.

Armin Navabi. 2014. *Why There is No God: Simple Responses to 20 Common Arguments for the Existence of God*. T.t.p: *Atheist Republic*.

Atheist Republic of Malaysia. Dlm. https://www.facebook.com/groups/464419150396756

Atheist Republic. 3 Ogos 2017. Dlm. https://www.facebook.com/AtheistRepublic/posts/1500361950050659

Atheist Republic. *About Atheism*. Dlm. http://www.atheistrepublic.com/about-atheism

Atheist Republic. *The Foundation of Atheist Republic.* Dlm. http://www.atheistrepublic.com/blog/mohammedsavage/foundation-atheist-republic

Atheist Republic: https://www.facebook.com/AtheistRepublic/

Baron D’Holbach. 1836. *Good Sense*. New York: G. W. & A. J. Matsell.

Baron D’Holbach. 2001. *The System of Nature*. Kitchener, Canada: Batoche Books.

Bertrand Russell. 1995. *History of Western Philosophy*. London: Routledge.

BH Online. 24 Disember 2015. *Umur manusia 7,000-8,000 tahun*. Dlm. https://www.bharian.com.my/node/107926

BH Online. 6 Ogos 2017. *Siasat gerakan ateis dalam kalangan orang Islam*. Dlm. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/08/309408/siasat-gerakan-ateis-dalam-kalangan-orang-islam

Brian Whitaker. 2014. *Arabs Without God*. Amazon.com, UK: Createspace Independent Publishing.

Brian Whitaker. T.th. *'Arab bila Rabb*. Amazon.com, UK: Createspace Independent Publishing.

Carlton J.H. Hayes. 1953. *Modern Europe to 1870*. USA: MacMillan.

Charles Bradlaugh Society. *Charles Bradlaugh*. Dlm. https://charlesbradlaughsociety.files.wordpress.com/2015/12/charles-bradlaugh-wikipedia.pdf

David C. Lewis. 2000. *After Atheism: Religion and Ethnicity in Russia and Central Asia*. New York: Routledge.

Dewan Bahasa dan Pustaka. 1991. *Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka. 2010. *Kamus Dewan*. Hajah Noresah Baharom (ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Encyclopaedia Britannica, Inc. 2005. *The New Encyclopaedia Britannica*. Jacob E. Safra & Jorge Aguilar-Cauz (ed.). Chicago: Encyclopaedia Britannica, Inc.

Frank Allen. 1958. *The Origin of The World: By Chance or Design*. Dlm. The Evidence of God in an Expanding Universe. New York: G. P. Putnam's Sons.

Frederick Copleston. 2003. *A History of Philosophy: Logical Positivism and Existentialism*. London: Continuum.

Free Malaysia Today. 16 Ogos 2017. *Khalid beri amaran kepada golongan ateis*. Dlm. http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/08/16/khalid-beri-amaran-kepada-golongan-ateis/

Free Malaysia Today. 17 Ogos 2017. *Ateis Islam disoal polis, jabatan agama, lapor akhbar Australia*. Dlm. http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/08/17/ateis-islam-disoal-polis-jabatan-agama-lapor-akhbar-australia/

Friedrich Nietzsche. 1999. *Thus Spake Zarathustra*. Terj: Thomas Common. USA: New York, The Modern Library: Random House, Inc.

Friedrich Nietzsche. 1887. *The Gay Science. Leipzig*: E. W. Fritzsch.

Gary Ianziti. 2012. *Writing History in Renaissance Italy: Leonardo Bruni and the Uses of the Past*. London: Harvard University Press.

Gavin Hyman. 2006. *Atheism in The Modern Hostory*. Dlm. The Cambridge Companion to Atheism. Michael Martin (ed.). UK: Cambridge University Press.

George H. Smith. 1989. *Atheism: The Case Against God*. USA: The American Rationalist.

George Herbert Blount. 1958. *The Reasonableness of Theism*. Dlm. The Evidence of God in an Expanding Universe. New York: G. P. Putnam's Sons.

Harian Metro. 4 Mei 2014. *Padah Hina Islam*. Kuala Lumpur: New Straits Times Press (M) Bhd.

Hasan Muhammad Hasan. 1948. *Wasa'il Muqawamah al-Ghazw al-Fikri li al-'Alam al-Islami*. Riyad: Al-Rabitah al-'Alam al-Islami.

Huffpost. 6 Mei 2012. *Atheism to Defeat Religion by 2038*. Dlm. http://www.huffingtonpost.com/nigel-barber/atheism-to-defeat-religion-by-2038_b_1565108.html

Ibn Faris, Abi al-Husin Ahmad bin Faris bin Zakariyya. 1979. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Bayrut: Dar al-Fikr.

Ibn Kathir, Abi al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir. 1999. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Tahqiq: al-Salamah, Sami bin Muhammad. Riyad: Dar Thaibah.

Ibn Warraq. 1995. *Why I am Not a Muslim.* New York: Prometheus Books.

Ibn Warraq. 2003. *Leaving Islam - Apostates Speak Out*. New York: Prometheus Books.

International Humanist and Ethical Union. 2012. *Freedom of Thought 2012: A Global Report on Discrimination Against Humanists, Atheists and the Nonreligious*. Dlm. http://iheu.org/wp-content/uploads/IHEU%20Freedom%20of%20Thought%202012.pdf

J. G. Simms. 1982. *William Molyneux of Dublin: 1656-1698*. Ireland: Irish Academic Press.

J. H. Whitfield. 1966. *Petrarch and the Renascence*. New York: Publishers of Scholarly Books.

Jabatan Perangkaan Malaysia. 2011. *Jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik, agama, jantina dan negeri, Malaysia, 2010*. Dlm. https://www.statistics.gov.my/censusatlas/images/ReligionEN.pdf

Jabatan Perangkaan Malaysia. 2011. *Laporan Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi 2010 (Kemas kini: 05/08/2011).* Dlm. https://www.

dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=117&bul_id=MDMxdHZjWTk1SjFzTzNkRXYzcVZjdz09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09%20

John Cleveland Cothran. 1958. *The Inescapable Conclusion*. Dlm. The Evidence of God in an Expanding Universe. New York: G. P. Putnam's Sons.

John Clover Monsma (ed.). 1958. *The Evidence of God in an Expanding Universe: Forty American Scientists Declare Their Affirmative Views on Religion*. New York: G. P. Putnam's Sons.

John Locke. 1765. *Letters Concerning Toleration*. London: Printed For A. Millar dll.

Julian S. Huxley.1941. *Man Stands Alone*. USA: Harper & Brothers.

Karen Armstrong. 1999. *The History of God*. London: Vintage Books.

Karl Marx. 1970. *Critique of Hegel's Philosophy of Right*. UK: Oxford University Press. Dlm. https://www.marxists.org/archive/marx/works/download/Marx_Critique_of_Hegels_Philosophy_of_Right.pdf.

Kassim Ahmad. 1985. *Kemarau di Lembah*. Kuala Lumpur: Teks Publising.

Kosmo!. 18 Ogos 2017. *Cabaran menangani kumpulan Melayu ateis*. Dlm. https://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0819&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va_02.htm

Ludwig Andreas Feuerbach. 1881. *The Essence of Christianity*. Terj.: Marian Evans. London: Trubner & Co.

Macmillian Publishing Company. 1987. *The Encyclopedia of Religion*. Mircea Eliade (ed.). New York: Macmillian Publishing Company.

Majlis Agama Islam Selangor. 2015. *Gejala Agnostik: Satu Ancaman Akidah*. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor.

Malaysiakini. 6 April 2016. *Kanada beri status pelarian pada gay, ateis Malaysia*. Dlm. https://m.malaysiakini.com/news/336687

Malaysian Atheist Confessions. Dlm. https://www.facebook.com/melayuatheistconfession

Malaysian Atheists, Freethinkers, Agnostics and Their Friends. Dlm. https://www.facebook.com/groups/760774403964961

Malaysian Humanist. 29 September 2013. *Salah Faham Lazim Terhadap Ateisme*. Dlm. http://malaysianhumanist.blogspot.my/2013/09/salah-faham-lazim-terhadap-ateisme.html

Mark Vernon. 2007. *After Atheism: Science, Religion and the Meaning of Life*. New York: Palgrave Macmillan.

Melayu Ateist. 5 September 2013. *Perjalananku Menuju Atheisme Part 5*. Dlm. http://melayuatheist.blogspot.my/2013/09/perjalananku-menuju-atheisme-pma-part-5.html

Melayu Ateist. 24 Julai 2013. *Pendahuluan*. Dlm. http://melayuatheist.blogspot.my/2013/07/pendahuluan.html

Melayu Ateist. 27 Ogos 2013. *Perjalananku Menuju Atheisme Part 4*. Dlm. http://melayuatheist.blogspot.my/2013/08/perjalananku-menuju-atheisme-part-4.html

Menara.my. 4 Ogos 2017. *Selepas Iftar Gay, Himpunan Ateis Pula di Kuala Lumpur*. Dlm. https://www.menara.my/selepas-iftar-gay-himpunan-ateis-pula-di-kuala-lumpur/

Menara.my. 9 Ogos 2017. *Atheist Republic Ugut Kerajaan Malaysia*. Dlm. https://www.menara.my/atheist-republic-ugut-kerajaan-malaysia/

Merritt Stanley Congdon. 1958. *The Lesson of The Rosebush*. Dlm. The Evidence of God in an Expanding Universe. New York: G. P. Putnam’s Sons.

Michael Martin. 2006. *The Cambridge Companion to Atheism (General Introduction)*. UK: Cambridge University Press.

Misr al-‘Arabiyyah. 5 November 2014. *Ahmad Harqan: Min Salafi Mutashayyid ila Mulhid*. Dlm. http://www.masralarabia.com/%D8%AA%D8%AD%D9%82%D9%8A%D9%82%D8%A7%D8%AA/402851-%D8%A3%D8%AD%D9%85%D8%AF-%D8%AD%D8%B1%D9%82%D8%A7%D9%86-%D9%85%D9%86-%D8%B3%D9%84%D9%81%D9%8A-%D9%85%D8%AA%D8%B4%D8%AF%D8%AF-%D8%A5%D9%84%D9%89-%D9%85%D9%84%D8%AD%D8%AF.

Muhammad Rashidi bin Wahab. 2014. *Ketokohan al-‘Allamah Muhammad Sa’id Ramadan al-Buti: Sebuah Sorotan Berkaitan Biografi, Sumbangan, Pengiktirafan dan Beberapa Aspek Pemikirannya*. Kertas Kerja Seminar Pemikiran Syeikh Muhammad Sa’id Ramadhan al-Buti. Selangor: Akademi Intelektual Muda Sdn. Bhd. (AIMs).

Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Faizul Azmi. 2013. *Kedudukan Akal dalam Pendalilan Akidah*. Jurnal Teknologi: Sosial Sciences. Skudai: Penerbit UTM.

Muhammad Rashidi Wahab. 2017. *Bahaya Ateisme: Pemikiran Menolak Tuhan*. Dlm. Dewan Tamadun Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Rashidi Wahab. 2017. *Pemikiran Liberalisme dalam Wacana Agama dan Ancamannya di Malaysia*. Kertas Kerja Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah Ke-9. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat.

Mustafa Sabri. 1981. *Mawqif al-'Aql wa 'Ilm wa al-'Alm*. Bayrut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Nakhabat Min al-'Ulama' al-Amarikiyyin. T.th. *Allah Yatajalla fi 'Asr al-'Ilm*. Bayrut: Dar al-Qalam.

National Secular Society. *Malaysia targets ex-Muslims over viral atheist photo*. Dlm. http://www.secularism.org.uk/news/2017/08/malaysia-targets-ex-muslims-over-viral-atheist-photo

National Secular Society. *Our story: 150 years of the National Secular Society*. Dlm. http://www.secularism.org.uk/history.html.

National Secular Society. *The National Secular Society*: The First 150 Years 1866-2016. Dlm. http://www.secularism.org.uk/uploads/the-national-secular-society-the-first-150-years-(1866-2016).pdf

NBC News. 23 September 2014. '*I'm an Atheist': Stephen Hawking on God and Space Travel*. Dlm. https://www.nbcnews.com/science/space/im-atheist-stephen-hawking-god-space-travel-n210076

Norsaleha Mohd. Salleh dll. 2015. *Pemikiran Tidak Beragama Dalam Kalangan Belia Islam di Malaysia: Satu Kajian Rintis*. Dlm. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.

Paul Clarence Aebersold. 1958. *Physical Evidences of God*. Dlm. The Evidence of God in an Expanding Universe. New York: G. P. Putnam's Sons.

Percy Bysshe Shelley. 1993. *The Neccesity of Atheism*. USA: Prometheus Books.

Phil Ryan. 2014. *After the New Atheist Debate*. Toronto: University of Toronto Press.

Reuters. 10 Disember 2012. *Atheists around world suffer persecution, discrimination: report*. Dlm. http://www.reuters.com/article/us-religion-atheists/atheists-around-world-suffer-persecution-discrimination-report-idUSBRE8B900520121210

Richard Cimino & Christopher Smith. 2014. *Atheist Awakening: Secular Activism and Community in America*. New York: Oxford University Press.

Richard Dawkins. 2006. *The God Delusion*. London: Bantam Press.

Robert Morris Page. 1958. *A Conclusive Test*. Dlm. The Evidence of God in an Expanding Universe. New York: G. P. Putnam's Sons.

Sigmund Freud. 1961. *The Future of an Illusion*. Terj: James Strachey. New York: WW Norton & Company Inc.

Sinar Online. 6 Ogos 2017. *Siasat penglibatan umat Islam dalam ateis*. Dlm. http://www.sinarharian.com.my/nasional/siasat-penglibatan-umat-islam-dalam-ateis-1.714413

The Malaysian Insight. 13 Ogos 2017. *Tindakan keras terhadap golongan ateis untuk alih perhatian, kata laporan*. Dlm. https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/10692/

The Pew Forum on Religion and Public Life. 2012. *The Global Religious Landscape: A Report on the Size and Distribution of the World's Major Religious Groups as of 2010*. Washington, D.C: Pew Research Center. Hlm. 24-25. Dlm. http://assets.pewresearch.org/wp-content/uploads/sites/11/2014/01/global-religion-full.pdf

Theodore E. Mommsen. 1942. *Petrarch's Conception of the 'Dark Ages'*. Speculum. Chicago USA: The University of Chicago Press.

Tothesource. 30 Oktober 2007. *Exclusive Flew Interview*. Dlm. http://tothesource.org/uncategorized/exclusive-flew-interview/

Vladimir Lenin. T.th. *Socialism and Religion*. Dlm. Socialism and Religion. Australia: Communist Party of Australia.

Walter Oscar Lundberg. 1958. *Applying The Scientific Method*. Dlm. The Evidence of God in an Expanding Universe. New York: G. P. Putnam's Sons.

Wan Mohd Nor Wan Daud. 13 Ogos 2016. *Kolonialisme baharu, ateis ancam ummah*. Dlm. https://www.bharian.com.my/node/182659

Wan Mohd Nor Wan Daud. 30 Julai 2016. *Ateis, murtad suatu bentuk penjajahan*. Dlm. https://www.bharian.com.my/node/178294

Warung Atheist. Dlm. https://www.facebook.com/groups/warong.atheist

William Bridgwater & Seymour Kurtz. 1959. *The Columbia Encyclopedia*. New York dan London: Columbia University.

WIN-Gallup International. 2012. *Global Index of Religiousity and Aetheism 2012*. Switzerland: WIN-Gallup International. Dlm. http://www.wingia.com/web/files/news/14/file/14.pdf

WIN-Gallup International. 2014. *End of Survey Year 2014: Regional & Country Result - Malaysia*. Switzerland: WIN-Gallup International. Hlm. 10. Dlm. http://www.wingia.com/web/files/richeditor/filemanager/Malaysia_Tables_V3_a.pdf

WIRED Magazine. 2006. *The Church of the Non-Believers*. Dlm. https://www.wired.com/2006/11/atheism/